

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 8

Hari Isnin

26 Mei 1997

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH

Y.B. Tuan Rosli bin Mat Hassan

Y.B. Tuan Long bin Jidin

(Ruangan 1)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-alukan Ahli Baru

(Ruangan 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997
131)

(Ruangan

USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong.

- Y.B. Puan Kamalia binti Ibrahim

(Ruangan 39)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)

“ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

“ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

“ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)

“ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN NEGARA

Isnin, 26hb. Mei, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan

Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-alukan Ahli Baharu

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENDIDIKAN ASAS DI SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH BAGI PELAJAR ASING

1 Puan Hajah Selemiah binti Hashim minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan Kementerian Pendidikan tidak menghalang pelajar-pelajar asing memperolehi peluang pendidikan asas di sekolah-sekolah rendah dan menengah seluruh negara atas dasar kemanusiaan:

- (a) tidakkah menjadi bebanan kewangan kerana terpaksa turut mempertingkatkan penyediaan kemudahan serta peralatan pembelajaran dan pengajaran dan tidakkah boleh menimbulkan pelbagai kesan sampingan seperti percanggahan nilai budaya tertentu; dan

- (b) berapa ramaikah bilangan pelajar asing yang terdapat di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara mengikut negeri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian Pendidikan menampung kos pendidikan semua pelajar warganegara asing yang diterima masuk ke sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dengan mengenakan yuran tahunan dengan kadar sebanyak RM120.00 di sekolah rendah dan RM240 di sekolah menengah. Pelajar-pelajar ini juga tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sedia ada di sekolah sepertimana pelajar-pelajar yang lain.
- (b) Pada masa ini bilangan pelajar warganegara asing yang terdapat di sekolah-sekolah kerajaan di seluruh negara ialah seramai 37,750 orang di sekolah rendah dan 6,312 orang di sekolah menengah.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau boleh saya mohon Yang Berhormat agar memberi data untuk negeri Sabah bagi sekolah rendah dan sekolah menengah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sabah, jumlah pelajar-pelajar warganegara asing ialah 35,365 orang iaitu 31,394 orang di sekolah rendah dan 3,971 orang di sekolah menengah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian mengenai takrif kepada orang-orang asing, adakah orang-orang asing ini terdiri daripada orang asing yang bekerja di Malaysia ataupun orang-orang asing yang terdiri dari pendatang tanpa izin dan pendatang dengan izin. Kalau boleh pihak kementerian memberikan anak-anak mereka ini mengikut pecahan-pecahan yang saya sebutkan tadi daripada orang-orang asing yang bekerja, orang-orang asing tanpa izin dan juga orang-orang asing yang bekerja di sini dengan izin.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tafsiran Kementerian Pendidikan yang digunakan ialah atas nasihat yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri iaitu merupakan anak-anak warganegara asing. Tetapi ini tidak termasuk anak-anak dengan izin, permanent resident atau pemastautin tetap di negara kita dan juga tidak termasuk anak-anak - sungguhpun ibu bapa mereka warganegara asing, tetapi mereka sendiri layak untuk menjadi warganegara kita mengikut undang-undang.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah saya ingin mendapat penjelasan lanjut kenapa dari segi peratusannya pelajar asing ini ramai di Sabah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengikut hakikat atau realiti situasi di mana terdapat ramai warganegara asing yang berada di negeri tersebut sama ada dengan izin atau tanpa izin.

CARUMAN MAJIKAN KEPADA SOCSO - LAPORAN JURUAUDIT NEGARA

2. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sebagaimana yang dilaporkan pada 28/1/1996 bahawa Juruaudit Negara telah menyatakan bahawa kira-kira 70% daripada caruman yang dibuat oleh majikan kepada SOCSO berjumlah RM361 juta masih tidak dikemaskini ke dalam akaun pekerja. Ini adalah satu perkara yang tidak boleh diendahkan. Bolehkah kementerian maklumkan tentang perkembangan mutakhir selepas laporan itu dibuat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara terhadap Penyata Akaun Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi tahun 1994.

Sukalah saya maklumkan bahawa rekod akaun bagi tahun 1994 yang terkemas kini menunjukkan jumlah caruman majikan adalah sebanyak RM552.9 juta dan bagi pekerja pula ialah RM523 juta. Ini bermakna perbezaan tersebut kini ialah RM29.9 juta sahaja berbanding dengan RM361 juta yang dilaporkan pada 28hb. Januari, 1996. Jurang perbezaan tersebut akan terus berkurangan dari semasa ke semasa apabila dokumen yang berkaitan khususnya dokumen

jadual caruman pekerja daripada majikan atau bank diterima dan dimasukkan dalam pangkalan data komputer PERKESO.

Sukalah saya menjelaskan juga bahawa PERKESO sebenarnya tidak menyediakan satu akaun berasingan bagi caruman ahli-ahlinya dari kalangan pekerja seperti yang dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Justeru itu, apa yang dibangkitkan oleh pihak Ketua Audit Negara sebenarnya adalah perbezaan mengenai rekod, saya ulangi iaitu mengenai rekod sahaja - rekod caruman majikan berbanding dengan rekod caruman pekerja yang disimpan di dalam pangkalan data komputer PERKESO.

Perbezaan di antara kedua-dua rekod caruman ini akan sentiasa wujud disebabkan oleh beberapa faktor. Di antaranya ialah PERKESO tidak menerima dokumen jadual caruman pekerja daripada majikan ataupun daripada bank. Selain dari itu faktor masa yang diambil untuk kesemua transaksi disempurnakan dari ejen pengutip akaun PERKESO di Bank Negara Malaysia juga menyebabkan perbezaan itu berlaku. Ini kerana kutipan caruman bulanan yang dilaksanakan oleh PERKESO adalah dibayar oleh pihak majikan terus kepada lebih dari 400 cawangan bank-bank di seluruh negara yang dilantik sebagai ejen pengutip. Mereka kemudiannya mengkreditkan kutipan berkenaan ke dalam akaun PERKESO di Bank Negara Malaysia dan kalau mereka mengambil masa untuk berbuat begitu, maka sudah tentulah akan ada terdapat 'discrepancy' dalam rekod yang berkaitan.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kemudahan yang diberikan oleh pihak PERKESO khasnya mengenai Pencen Ilat kepada pewaris yang telah pun meninggal dunia. Biasanya Pencen Ilat ini akan ditarik selepas isteri atau penerima yang menerima pencen kerana kematian suami tadi berkahwin semula. Adakah pada pandangan Yang Berhormat ini suatu yang adil kerana si suami ataupun Allahyarham suami membeli insurans adalah satu hak dan bukannya sebagai satu keistimewaan kepada penerima tadi?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa di samping kita menjaga kepentingan individu, kita terpaksa juga menguruskan tabung PERKESO dari satu sudut lain iaitu untuk menjaga kepentingan umum atau kepentingan semua pekerja. Maka oleh sebab itu tujuan utama untuk memberi pencen ini adalah untuk menjaga kepentingan yang bergantung kepada si mati tadi. Oleh sebab itulah terdapat peraturan di mana ianya ditarik balik jika yang mendapat bayaran tersebut berkahwin semula. Namun demikian, saya rasa apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang ada asasnya dan kami sempat berbincang di luar Dewan tadi, insya-Allah saya akan mendapat butir-butir yang lengkap dan saya akan kemukakan kepada Ahli Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah pihak kerajaan berpuas hati memandangkan kutipan PERKESO telah pun berjumlah lebih kurang dekat RM5 bilion setakat ini dari segi pelaburan yang dibuat oleh pihak PERKESO terhadap menentukan pulangan daripada dana PERKESO yang berjumlah RM5 bilion ini lebih meningkat dari tahun ke tahun. Adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan cara mereka melabur dana PERKESO ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebagaimana pernah saya jawab satu soalan dalam sesi ini juga bahawa pelaburan wang dari tabung PERKESO ini dibuat oleh satu panel pelaburan dan juga oleh pakar-pakar yang telah pun diberi nama mereka oleh Bank Negara sendiri ataupun pakar-pakar lain.

Setakat ini kerajaan memanglah sedikit sebanyak berpuas hari dari segi menguruskan untuk menjamin supaya tabung itu dapat diuruskan dengan selamat bagi pihak pencarum-pencarum. Namun demikian, pada masa ini tlah pun timbul satu kesedaran, sepatutnya kerajaan lebih adventurous sedikit dari segi mendapat pulangan dari tabung ini. Ini sedang difikirkan.

**GURU BAHASA INGERIS DI SEKOLAH LUAR BANDAR - CADANGAN
MENGATASI KEKURANGAN**

3. Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah cadangan kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Inggeris yang sentiasa dihadapi terutama bagi sekolah-sekolah di luar bandar

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Inggeris terutamanya di luar bandar. Di antaranya ialah:

- (a) meningkatkan pengambilan calon guru di bidang pengkhususan pengajian Inggeris bagi sesi pengambilan 1996/1997 bagi program Diploma Perguruan Malaysia;
- (b) mulai sesi pengambilan 1996, keutamaan telah diberikan kepada calon-calon yang berkelayakan daripada luar bandar dan daripada negeri yang mengalami kekurangan guru bahasa Inggeris untuk mengikuti kursus-kursus perguruan;
- (c) mengadakan program kembar antara maktab perguruan dengan universiti-universiti luar negeri untuk kursus Sarjana Muda Teaching of English as a Second Language (TESL); dan
- (d) pengambilan dua kali setahun bagi program Kursus Perguruan Lepas-Ijazah (KPLI) untuk pengkhususan pengajian bahasa Inggeris.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan langkah-langkah yang disebutkan oleh pihak kementerian akan memakan masa, apakah tindakan-tindakan secara jangka pendek yang akan dilakukan oleh Menteri Pendidikan dalam menyediakan alternatif-alternatif untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Inggeris ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah jangka pendek, kita izinkan guru-guru di bidang bahasa Inggeris yang bersara wajib untuk dilantik semula dan berkhidmat dengan kementerian.

Kedua, dalam pengambilan guru-guru sandaran, kita memberi keutamaan kepada mereka yang mempunyai kelayakan dalam bahasa Inggeris supaya mereka boleh dijadikan sebagai guru sementara dan guru sandaran dalam mata pelajaran tersebut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah rasional pihak Kementerian Pendidikan meneruskan latihan khusus kepada guru-guru bahasa Inggeris dan juga mata pelajaran lain, tetapi sebaliknya tidak mengadakan latihan secara bersepadu untuk guru-guru yang boleh dipelbagaikan terutama sekali dalam bidang komputer dan teknologi maklumat?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, strategi Kementerian Pendidikan ialah untuk memenuhi keperluan masa kini. Jadi, kita haruslah memberi latihan kepada guru-guru secara pengkhususan atau specialist teachers, dengan izin. Multi-purpose teachers, dengan izin, Kementerian Pendidikan rasa tidak sesuai pada masa sekarang kerana kandungan setiap mata pelajaran itu selalu berubah dan kita haruslah memberi latihan dalam pengkhususan seseorang guru supaya mereka boleh mengikut perubahan dalam mata pelajaran tersebut.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apa yang saya dapat faham, pelajaran bahasa Inggeris ini adalah satu mata pelajaran yang amat ditakuti oleh guru untuk mengajarnya, adakah ini benar?

Saya juga ingin mendapat penjelasan, adakah kerajaan berpuas hati dengan pengajaran bahasa Inggeris sama ada di luar bandar atau di bandar, di sekolah menengah atau di sekolah rendah? Kalau ianya tidak berpuas hati, apakah tindakan-tindakan instant yang patut diambil oleh pihak kerajaan, supaya pelajaran bahasa Inggeris ini tidak lagi ditakuti oleh guru-guru yang layak untuk mengajar di sekolah-sekolah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak benar bahawa bahasa Inggeris itu merupakan satu bidang yang ditakuti oleh guru-guru, sedangkan ada ramai guru yang berhasrat ingin menjadi guru bahasa.

Satu masalah yang Kementerian Pendidikan hadapi dalam konteks ini ialah kebanyakan guru-guru bahasa Inggeris merupakan guru-guru wanita dan mereka haruslah mengikuti suami mereka dan kebanyakan mereka dihantar ke bandar-bandar. Ini menimbulkan masalah dari segi kekurangan guru-guru bahasa Inggeris di luar bandar. Sungguhpun dari segi jumlahnya kita ada

cukup badan, tetapi dari segi lain kita ada mismatch, ini juga merupakan punca utama kita menghadapi masalah kekurangan guru khususnya dalam mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar. Namun demikian, kita akan memperluaskan dan meramaikan calon-calon untuk memasuki bidang tersebut supaya masalah itu boleh diatasi.

SETINGGAN DI SELURUH NEGARA - TINDAKAN MENGATASI MASALAH

4. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bercadang atau sudah mengambil tindakan mengumpul data jumlah setinggan di seluruh negara dan adakah mereka yang terlibat hanya sekadar meneroka tanah kerajaan dan bagaimana pula kedudukan setinggan-setinggan yang mendiami tanah persendirian. Apakah perancangan yang telah dibuat bagi perpindahan setinggan-setinggan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumpul data mengenai jumlah setinggan bagi seluruh negara. Walau bagaimanapun, data ini sentiasa berubah kerana sifat masyarakat setinggan yang sentiasa bertukar dari segi komposisi dan bilangan. Kebanyakan setinggan menduduki tanah kerajaan seperti tanah bekas lombong dan tanah rizab jalan, sungai atau kereta api. Sebilangan kecil menduduki tanah milik persendirian yang terbiar.

Di antara langkah yang dicadangkan untuk mengatasi masalah setinggan ialah dengan mewujudkan sistem pendaftaran dan pembancian setinggan. Sistem ini akan memudahkan perancangan memindah dan menempatkan semula setinggan. Tindakan pemindahan ini akan mengambil kira kemudahan tempat kediaman baru dan tempat pekerjaan.

Selain dari program perpindahan dan penempatan semula setinggan, kerajaan menggalakkan pembinaan asrama pekerja dan penyediaan tempat tinggal oleh majikan untuk mengurangkan masalah setinggan. Kerajaan sendiri membina rumah pangsa di bandar-bandar besar untuk disewakan kepada golongan berpendapatan rendah.

Mengenai setinggan yang menduduki tanah milik persendirian, kerajaan menasihatkan tuan punya tanah supaya mengambil tindakan membangun tanah-tanah tersebut dan menyelesaikan penempatan setinggan yang terdapat di atas tanah-tanah itu. Di mana tuan punya tanah persendirian gagal untuk membangunkan tanah sedemikian, kerajaan mencadangkan

tanah-tanah tersebut dibangunkan oleh agensi-agensi kerajaan di bawah Undang-undang Kanun Tanah Negara.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah apa-apa bayaran pampasan kepada setinggan jika diperintahkan mereka keluar daripada tanah tempat dia tinggal dan berapa ramai bilangan setinggan dari pendatang haram ataupun orang luar yang tinggal dalam negara kita?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab soalan yang kedua dahulu. Jumlah setinggan keseluruhan yang dapat dibanci ialah 552,196 orang dan dari jumlah itu 90,417 adalah pendatang asing dan 461,779 adalah penduduk tempatan.

Berkenaan dengan pampasan, sekiranya tanah-tanah yang diduduki oleh setinggan hendak dibangunkan, maka kita menggalakkan supaya tuan punya tanah di mana tanah tadi hendak dibangunkan memberi pampasan ataupun kalau boleh membina rumah kos rendah yang boleh dijual kepada setinggan-setinggan tersebut dengan kadar yang paling minimum. Kita juga menggalakkan supaya agensi kerajaan juga berbuat demikian.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dimaklumkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sistem pendaftaran bancian sedang dijalankan untuk membanci bilangan setinggan yang ada di negara kita. Saya difahamkan oleh jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang menjalankan pendaftaran mereka tidak mendapat kerjasama sepenuhnya daripada penduduk-penduduk terutamanya setinggan-setinggan, tambahan lagi kalau setinggan ini terdiri daripada pendatang tanpa izin.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kita mempunyai undang-undang untuk menentukan supaya penduduk-penduduk di negara kita ini apabila ada dijalankan bancian ataupun pendaftaran, mereka harus memberikan maklumat-maklumat kepada bancian-bancian yang dijalankan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada undang-undang yang tersebut yang membolehkan kita mendapat maklumat daripada mereka yang hendak kita banci. Tetapi berkenaan dengan setinggan ini sebagaimana yang kita sedia maklum, kita ada dua golongan setinggan, setinggan tempatan dan juga setinggan yang mendatang.

Saya yakin setinggan-setinggan yang mendatang ini sudah tentu tidak akan memberikan kerjasama, kerana kalau mereka memberikan kerjasama iaitu tampil ke hadapan, sudah tentu mereka mungkin ditangkap dan sebagainya. Bagaimanapun, masalah setinggan di Selangor dan juga di Wilayah Persekutuan telah diberi perhatian yang khusus oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Dewan Bandaraya serta Kerajaan Negeri Selangor telah pun diarahkan untuk mengatasi masalah setinggan terutama sekali setinggan-setinggan yang tinggal di tebing-tebing sungai.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah tindakan mengumpul data jumlah setinggan di seluruh negara selesai dan berapa luaskah tanah kerajaan yang mereka diami sehingga hari ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat datang daripada negeri Sabah, saya akan beri jumlah untuk Sabah. Untuk negeri Sabah, jumlah keseluruhannya 115,109 orang, pendatang asingnya 58,370 dan orang-orang tempatan 56,739. Saya tidak mempunyai angka ataupun jumlah keseluruhan keluasan tanah yang diduduki oleh penduduk-penduduk tempatan dan juga pendatang asing ini. Bagaimanapun, boleh dikatakan kebanyakan tanah rizab sungai sama ada di Wilayah Persekutuan, di negeri Selangor hatta sampai ke negeri Sabah pun, mungkin di tepi-tepi pantai didiami oleh penduduk-penduduk setinggan ini.

PELABURAN DI FILIPINA - JUMLAH

5. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pelaburan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan serta pelaburan sektor swasta di negara Filipina semenjak tahun 1990 hingga sekarang. Nyatakan juga reaksi kerajaan kepada keputusan mahkamah yang menghalang pelaburan Malaysia membeli hotel yang bersejarah di negara

tersebut. Adakah keputusan tersebut menjejaskan pelaburan Malaysia di negara Filipina selepas keputusan itu.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo

Ting]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan ekuiti Malaysia di Filipina dari tahun 1990 hingga 1996 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pelaburan (RM)
1996	17.2 juta
1995	15.0 juta
1994	462.3 juta
1993	19.5 juta
1992	0
1991	1.4 juta
1990	12.1 juta
Jumlah	<u>RM527.5 juta</u>

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Mahkamah Agung Filipina membatalkan pemilikan Manila Hotel oleh Renong Berhad atas dasar “rakyat Filipina didahulukan” sedikit sebanyak memerlukan pelabur-pelabur Malaysia berwaspada untuk melabur di Filipina. Presiden Filipina sendiri juga telah menyuarakan tidak puas hati terhadap campur tangan badan kehakiman dalam penjualan Manila Hotel yang dianggap sebagai satu aktiviti komersial biasa kerana ia boleh menjejaskan kredibiliti negara itu dalam menarik pelabur asing.

Kerajaan Malaysia juga telah menyuarakan tidak puas hati terhadap keputusan tersebut. Keputusan pelabur-pelabur Malaysia untuk melabur di Filipina atau di mana-mana negara adalah berdasarkan kepada faktor-faktor komersial yang diketahui sendiri oleh pelabur-pelabur tersebut. Kerajaan tidak bercadang mengubah dasar yang sedia ada dan terpulanglah kepada pelabur-pelabur Malaysia sendiri untuk membuat perkiraan masing-masing dalam memutuskan haluan pelaburannya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah pihak-pihak daripada Malaysia yang melabur dalam sektor kasino di Filipina?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang dikutip oleh kementerian ini, tidak.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah jenis-jenis perniagaan atau perdagangan yang banyak dibuat oleh pengusaha kita bagi melabur di Filipina?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur Malaysia di Filipina adalah di bidang-bidang berikut:

- (i) perhotelan dan hartanah;
- (ii) pengeluaran besi dan keluli;
- (iii) automotif;
- (iv) sistem bekalan air dan pembetulan, perumahan, perkapalan, kontena, perladangan dan sebagainya.

UDA - PENSWASTAAN KEPADA INDIVIDU/SYARIKAT

6. Puan Faridah binti Abu Hassan minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sejauh mana UDA yang kini telah pun dikorporatkan boleh bertahan sebelum diswastakan. Jika ada cadangan pengswastaannya, adakah telah dikenal pasti individu atau syarikat tertentu.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, sejak beroperasi pada tahun 1971, kerajaan telah memutuskan untuk mengorporatkan Perbadanan Pembangunan Bandar pada tahun lalu iaitu 1996. Bermula September tahun lepas, UDA telah dipanggil UDA Holdings Sdn. Bhd. telah dikorporatkan dengan modal berbayar sebanyak RM300 juta dan kesemua sahamnya dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) ataupun Minister of Financing Corporated.

Tujuan kerajaan mengkorporatkan UDA ialah untuk membolehkannya bergerak dengan lebih flexible supaya lebih cekap dalam pengurusannya dan lebih mampu untuk mengambil peluang daripada peluang-peluang perniagaan yang timbul di sektor swasta. Walau bagaimanapun, kita ingin menegaskan bahawa UDA Holdings Sdn. Bhd. yang dikorporatkan masih lagi bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kedudukan bumiputera di bandar dapat diperbaiki. Antara tugas utama UDA Holdings Sdn. Bhd., sebenarnya tugas yang lama, ialah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan bandar, membangunkan semula bandar dan juga membantu kerajaan dalam usaha mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada lagi rancangan untuk menswastakan UDA. Dalam pada itu, kerajaan ingin menekankan walaupun UDA Holdings diswastakan, peranannya tetap tidak berganjak iaitu untuk membangunkan semula bandar dan untuk membantu kerajaan dalam usaha-usaha mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Dengan lain perkataan, agenda bumiputera UDA Holdings Sdn. Bhd. akan tetap dipertahankan walau apapun yang berlaku kepada badan tersebut.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. UDA setelah dikorporatkan juga telah mula pula bersaing dengan pemaju-pemaju lain khususnya bumiputera, akan tetapi harga-harga rumah dan rumah kedai yang dijual oleh UDA walaupun sedikit ada kurangnya, rasanya harga tersebut masih terlalu tinggi lantaran UDA mendapat tanah-tanah dengan harga istimewa. Justeru itu, agenda untuk mengekalkan bumiputera di dalam bandar-bandar besar akan tergendala andai kata harga-harga jualan ini tidak dapat dikawal dan UDA pula tidak membantu?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu yang dibangkitkan. Yang pertama, persaingan dengan pemaju-pemaju yang lain. Yang kedua, ialah harga hartanah yang dijual.

Mengenai saingan, saya ingin maklumkan bahawa saingan antara UDA dengan pemaju-pemaju lain termasuklah bumiputera dengan bukan bumiputera tidaklah begitu hebat, dalam erti kata, UDA tidak mengambil alih peluang-peluang yang sepatutnya diambil oleh usahawan bumiputera yang lain.

Mengenai harga, sepertimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, memanglah harga rumah dan juga rumah kedai yang dijual oleh UDA adalah lebih rendah daripada harga-harga yang ditetapkan oleh pemaju-pemaju yang lain. Biasanya dalam lingkungan antara 10% hingga 15%. Ini kadar harga ataupun diskaun jika dibandingkan dengan harga hartanah di pasaran.

Mengenai tanah yang dimiliki oleh UDA kecuali di Pulau Pinang yang di bawah projek JKP. Di Pulau Pinang ada satu program khas di mana UDA dikehendaki untuk membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang memastikan projek-projek perumahan dan juga kompleks perniagaan dapat dimiliki oleh bumiputera, maka memanglah tanah-tanah yang diserahkan kepada UDA itu harganya rendah sedikit, tetapi peranan UDA cuma untuk melaksanakan projek tersebut bagi pihak Jawatankuasa Pemandu Pulau Pinang (JKP). UDA tidak mengambil keuntungan daripada kegiatan di Pulau Pinang. UDA diberikan sedikit subsidi pentadbiran sebelum ini untuk melaksanakan projek di Pulau Pinang.

Di kawasan-kawasan lain di Semenanjung, UDA tidak diberikan tanah pada harga yang istimewa malah UDA dikehendaki untuk membeli, pada masa ini tidak ada lagi tanah milik UDA yang mana harga tanah tersebut dimiliki pada harga yang istimewa. Dalam tahun 70-an memang benar UDA diperuntukkan tanah pada harga yang lebih rendah daripada harga pasaran. Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini tidak ada lagi tanah-tanah yang dimiliki ataupun dibeli oleh UDA yang mana harganya adalah pada harga istimewa. Dengan lain perkataan, harga tanah yang dibeli oleh UDA adalah pada harga pasaran di akhir-akhir ini.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah UDA bercadang untuk memperluaskan pembangunannya seperti di bandar-bandar lain?

Tadi Yang Berhormat Menteri menyebutkan di Pulau Pinang sahaja, bagaimana misalnya di Melaka, di Muar, di Seremban dan lain-lain bandar kerana ada juga tanah-tanah yang patut dibangunkan oleh UDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan, saya baca surat khabar beliau dapat title 'Doctor' daripada sebuah negeri luar [*Tepuk*] kebanggaan kita rakyat Malaysia yang dapat pertama kali. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih banyak, Ahli Yang Berhormat, atas ucapan tersebut. Saya amat terharu dengan sokongan tepukan yang diberikan, tetapi malangnya tidak ada pilihan raya, tidak ada pemilihan. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan utama UDA ialah di bandar-bandar besar, khususnya di Kuala Lumpur. Dalam pada itu, UDA juga terlibat dalam pembangunan di beberapa bandar kecil yang sedang pesat berkembang, termasuklah ada projek-projek di Terengganu, di Pahang dan juga di Perak, di Kuala Kangsar, Kuala Terengganu dan Temerloh ada beberapa projek di kawasan-kawasan bandar yang sedang pesat berkembang tetapi tumpuan utama adalah di pekan-pekan besar. Selain daripada itu, di Pulau Pinang ada satu projek khas di bawah JKP ini adalah atas dasar kerajaan memandangkan kedudukan bumiputera di Pulau Pinang begitu rumit sekali dari segi pemilikan hartanah, maka kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan program khusus untuk Pulau Pinang dan ini dilaksanakan di bawah JKP atau Jawatankuasa Pemandu Bumiputera di Pulau Pinang. Jika ada kerajaan-kerajaan negeri yang lain yang berhasrat, seperti Melaka ataupun Muar yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, maka UDA memang sentiasa terbuka oleh kerana UDA merupakan sebuah badan korporat, ia sentiasa mencari peluang untuk berniaga. Jadi, kalau ada kerajaan-kerajaan negeri ataupun pihak swasta yang ingin mengadakan usaha sama dengan UDA membangunkan bandar, membangunkan kawasan baru, maka UDA sedia menimbangkan permohonan tersebut.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tadi hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri daripada Kelantan tetapi telah dirampas

oleh Melaka. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, saya ucap tahniah kepada kejayaan di atas anugerah 'Doctorate' kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kerjasama kerajaan negeri dalam pembangunan bandar ataupun UDA ini, bagaimana kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim untuk membangunkan bandar-bandar di Kota Bharu dalam hal pemberian tanah dan yang berkaitan?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pihak UDA ada menerima cadangan daripada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk memajukan satu kawasan tanah berhampiran Kota Bharu. Setakat ini belum ada lagi kemajuan dalam cadangan ini oleh kerana ada beberapa masalah teknikal yang sedang dihadapi.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bangun awal-awal lagi hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Menteri *[Ketawa]* tetapi walau bagaimanapun, hasrat saya hendak ucap tahniah itu memang ada - Tahniah Dato'.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu syarikat atau agensi kerajaan semua hendak untung. Saya difahamkan baru-baru ini ternyata bahawa milikan kedai bumiputera hanya 6%. Bermakna UDA telah pun gagal, begitu juga kerajaan telah pun gagal untuk mengikut dasar ekonomi kita iaitu 30% bumiputera mempunyai kedai, 6% amat kecil. Jadi, soalan saya, saya hendak tahu bagaimana Yang Berhormat Menteri hendak mengatasi masalah ini dan adakah cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan tabung khas ataupun yaysan di tiap-tiap negeri untuk membeli kedai-kedai yang telah pun siap ini supaya di kemudian hari diagihkan kepada bumiputera yang mampu membelinya, sementara itu kedai ini boleh disewakan.....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Panggilan 'Doctor' tarik balik!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, dia suruh tarik balik 'honorary kehormat' ini. *[Ketawa]* Datuk Haji Ibrahim Ali.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyangkalah saya sebagai bekas ahli Dewan Negara merasakan bahawa Ahli Yang Berhormat tidak akan sanggup berbuat demikian. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, saya ingin membetulkan, pihak UDA dalam

setahun yang lalu telah membuat kajian di Lembah Klang dan kita dapati bahawa di Lembaga Klang iaitu 8 majlis perbandaran termasuklah DBKL, kita dapati bahawa pemilikan ataupun perusahaan kompleks-kompleks ataupun rumah kedai yang diusahakan oleh bumiputera daripada 8,197, kita dapati cuma 420 yang diusahakan oleh bumiputera iaitu 5.1%. Kita buat kajian ini antara lain untuk melihat keadaan sebenarnya 5.1%.

Jadi, kita tahu masalah ini dan kita masih lagi membincang dalam kerajaan. Saya yakin bahawa kerajaan akan membuat sesuatu untuk mengatasi masalah yang serius ini.

Mengenai tabung khas, beberapa buah kerajaan negeri, yang saya tahu Perak telah pun memulakan tabung ini dengan peruntukan RM10 juta. Tetapi oleh kerana ini bergantung kepada peruntukan kewangan, RM10 juta tidak banyaklah boleh dibeli, mungkin 10-20 unit sahaja. Dalam tempoh masa yang singkat peruntukan RM10 juta ini akan habis. Maka kerajaan sedang memikirkan cara-cara kaedah bagaimana boleh kita menambahkan penglibatan bumiputera di bandar-bandar besar, khususnya di Kuala Lumpur. Saya ingin memberi jaminan bahawa kerajaan melihat isu ini sebagai isu yang serius dan kita akan menangani isu ini dengan cara yang sebaik mungkin.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Kita cakap di sini memang seriuslah selalu.

Tetapi yang saya cakap tadi tidak serius, saya menarik balik yang tadi. *[Ketawa]*

PEGAWAI PILIHANRAYA - KELAYAKAN

7. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan di dalam tahun ini dua kemenangan calon Barisan Nasional telah hilang kelayakan sebagai ADUN kerana telah didapati salah di Mahkamah Pilihanraya, adakah Suruhanjaya Pilihanraya di masa akan datang berhati-hati apabila melantik pegawai-pegawai yang layak sahaja untuk menyelia dan mengawasi pilihanraya itu supaya mereka teliti secara terperinci kertas-kertas pencalonan sebelum menerima pencalonan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dato' Celestine Ujang kerana telah menang pilihan raya di Kemena, *[Tepuk]* dengan majoriti yang besar sebanyak 5,471 undi. Tahniah!

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa memastikan hanya pegawai-pegawai yang berkelayakan sahaja yang telah dan akan dilantik bagi membantu SPR mengendalikan pilihan raya, baik pilihan raya umum mahupun pilihan raya kecil. Pegawai-pegawai yang mengendalikan pilihan raya bagi satu-satu pilihan raya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai daerah atau pegawai-pegawai yang setaraf dengannya. Keputusan oleh Mahkamah Pilihanraya tidak boleh dijadikan ukuran setakat mana kelayakan atau kesesuaian seorang pegawai dalam menjalankan tugas yang berkaitan dengan pilihan raya. Keputusan Mahkamah Pilihanraya dalam menerima satu-satu bantahan pilihan raya itu berkait rapat dengan tafsiran kepada undang-undang.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat kerana dapat menjawab bagi pihak Perdana Menteri. Jarang anak Melayu begini. Dan juga saya hendak ucap tahniah kepada rakan saya, Yang Berhormat Tuan Rosli Mohd. Hassan dan juga Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin yang baru mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara dan mereka ini adalah tokoh-tokoh yang berani dan lantang walaupun belum dapat ijazah kehormat.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, apakah Yang Berhormat sedar ada pihak-pihak tertentu, terutamanya parti pembangkang, semasa pilihan raya di Telok Intan dan sekarang ini di Kuala Selangor dan juga Repah di Negeri Sembilan terus mengungkit bahawa sistem kehakiman ataupun mahkamah di negara kita ini kononnya berat sebelah, tidak adil. Manakala kita dapati keputusan mahkamah di Sarawak mengisytiharkan pilihan raya di mana Barisan Nasional menang sebelum ini batal, yang membuktikan bahawa sistem kehakiman dan mahkamah kita benar-benar bebas. Tetapi pihak pembangkang terus mengungkit perkara ini bukan sahaja dalam media tempatan, ataupun membuat kenyataan dalam ceramah-ceramah, terutama di Kuala Selangor sekarang ini dan juga di Repah, dan juga kenyataan dengan pihak akhbar di luar negeri. Apakah pandangan pihak kerajaan tentang sikap pembangkang yang telah ataupun terus

mengungkit tentang soal bahawa mahkamah kita ini tidak adil dan juga dikuasai oleh parti pemerintah, yang saya kira ianya merupakan propaganda, dan apakah pandangan Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat jawablah sepanjang-panjangnya, kerana saya percaya pihak akhbar akan lapor esok, insya-Allah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang ini telah menjadi tabiat parti pembangkang. Kalau ada apa-apa kes mahkamah yang memihak kepada mereka, mereka memang menerima keputusan mahkamah. Tetapi apabila mahkamah membuat keputusan yang lain yang memihak kepada pihak yang lain ataupun pihak kerajaan, maka pihak pembangkang akan mengatakan bahawa mahkamah tidak adil. Yang sebenarnya parti pembangkang itu sendirilah yang paling maha tidak adil. Sebab dia selalu memberi hujah dan memberi pendapat adalah mengikut emosi masing-masing dan berkepentingan untuk mendapat kemenangan di dalam pilihan raya. Sebab itulah isu ini terus dimainkan di mana-mana sahaja bukan sahaja di pilihan raya di Telok Intan, bahkan dalam pilihan raya yang kita akan adakan di Repah dan sebagainya juga mereka memainkan isu ini.

Ini adalah di antara perkara yang amat suka dimain oleh parti pembangkang kerana hendak mendapat kemenangan. Bukan sahaja mereka mengatakan mahkamah tidak adil, kadangkala dia menggunakan isu perkauman dan mengatakan pihak-pihak tertentu tidak memerlukan undi daripada pihak kaum yang tertentu. Ini juga merupakan satu mainan politik yang disengajakan demi untuk mendapat kemenangan. Sebab itulah kita mengharapkan kepada pengundi-pengundi di kawasan yang akan mengundi dua-tiga tempat ini betul-betul mesti memahami mainan politik yang dimainkan oleh pembangkang. Kalau tersilap dengar dan tersilap pemikiran, maka padahnya bukan sahaja diterima oleh kerajaan dan juga kepada pengundi-pengundi tempatan yang berkenaan.

Sebab itulah kita cukup yakin pengundi-pengundi sekarang tahu sedikit-sebanyak mengenai dengan helah yang dimainkan oleh parti pembangkang. Kita mengharapkan ketiga-tiga pilihan raya yang akan diadakan tidak lama lagi akan mendapat kemenangan, insya-Allah.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya dan calon-calon Barisan Nasional tidak puas hati tentang Akta Pilihanraya yang dikuatkuasakan di negara kita ini. Oleh kerana pada hemat saya akta yang dikuatkuasakan adalah tidak adil dan saksama, oleh kerana apabila sesuatu election petition difailkan di Mahkamah Tinggi, kadang-kadang mahkamah ataupun tuan hakim buat silap atas keputusannya. Tetapi keputusan Mahkamah Tinggi itu adalah final dan tidak boleh appeal ke mana-mana mahkamah. Oleh itu, saya memohon kepada kerajaan, saya bertanya kepada pihak Perdana Menteri ataupun Kerajaan Pusat kita sama ada terniat untuk meminda Akta Pilihanraya di negara kita ini atau tidak supaya petition yang kalah di mahkamah mempunyai peluang untuk appeal ke Mahkamah Rayuan. Ini barulah adil dan saksama kepada Barisan Nasional dan calon-calonnya.

Saya juga memfailkan election petition di Mahkamah Tinggi, tetapi ditolak. Pada hemat saya keputusan itu adalah tidak puas hati, tidak adil dan saksama. Tetapi apa boleh buat, mengikut undang-undang ini adalah keputusan terakhir. Oleh itu, saya memohon kepada pihak Perdana Menteri meminda Akta Pilihanraya yang dikuatkuasakan pada hari ini. Soalan ini mengatakan calon Barisan Nasional yang menang, ADUN yang menang kerana dapati salah di mahkamah, apa salahnya? Kadang-kadang tuan hakim ingat salah, tetapi kita ingat tidak salah. Apabila dia kata salah, jadi satu bi-election diadakan. Adil atau tidak tidak ada hak appeal. Jadi, saya bertanya kepada pihak Perdana Menteri sama ada kerajaan akan meminda Akta Pilihanraya atau tidak supaya membolehkan calon berhak untuk appeal ke Mahkamah Rayuan. Saya adalah bagi pihak calon-calon Barisan Nasional dan ADUN dan ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

[Ketawa]

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang adil. Mana-mana akta sekalipun bukanlah statik, bukan beku. Ia sentiasa akan dipinda, diubah dari masa ke semasa mengikut kesesuaian masa. Maka tidak mustahil akta ini akan dipinda mengikut mana yang sesuai termasuklah yang disuarakan oleh Yang Berhormat.

PADI - KELUASAN TANAH DAN BILANGAN PETANI

8. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan:
- (a) berapakah jumlah keluasan tanah pertanian tanaman padi di seluruh negara dan ramai petani yang terlibat dengan industri tanaman padi; dan
 - (b) untuk jangka masa berapa lama lagi yang Malaysia akan terus kekal mengimport beras. Apakah langkah-langkah mengurangkan pengimportan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan

Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Pada tahun 1995, keluasan bertanam padi seluruh negara berjumlah 672,787 hektar dan diusahakan oleh 296,000 petani. Jumlah kawasan bertanam padi di Semenanjung Malaysia adalah 496,542 hektar, Sabah 53,095 hektar, dan Sarawak 123,150 hektar.
- (b) Malaysia akan terus mengimport beras untuk menampung keperluan negara kerana keupayaan kita untuk mengeluarkan padi negara adalah terhad disebabkan kos pengeluaran adalah tinggi dengan tenaga kerja yang berkurangan, kawasan tanah yang terhad, di samping dasar kita untuk meneruskan perniagaan kita dengan negara-negara jiran seperti Thailand dan Vietnam yang menjadi pembekal tradisional kita selama ini.

Oleh itu, Dasar Pertanian Negara telah menetapkan tahap minimum saradiri bagi pengeluaran beras negara sebanyak 65% sehingga tahun 2010. Dengan itu, baki keperluan 35% adalah diimport. Usaha-usaha kerajaan untuk mencapai matlamat ini diteruskan melalui peningkatan produktiviti ladang yang melibatkan penggunaan biji benih berkualiti, kawalan perosak tanaman secara bersepadu, penggunaan baja yang mencukupi, pengurusan air yang sempurna, penggunaan mekanisasi ladang dan pengurusan sumber-sumber berskala ekonomik.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan, iaitu bagi meningkatkan pengeluaran padi, saya minta penjelasan di atas usaha-usaha kerajaan atau kementerian bagi menangani masalah sawah terbiar supaya dapat dipulih kembali dengan segera.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar terdapat tanah sawah terbiar disebabkan oleh kebanyakan yang mengusahakan tanah itu ialah orang tua dan tidak ada tenaga lagi, dan orang muda telah berhijrah ke kawasan pekan dan bandar untuk berkhidmat dalam sektor pembuatan. Hal ini kerajaan telah menubuhkan KADA kadarnya agar kita kumpulkan tanah yang terbiar itu jadikan satu ladang yang besar dan telah diusahakan dan hasilnya adalah tinggi. Dan di kawasan-kawasan lain kita ada mini estet yang diusahakan oleh PPK dan juga dicantumkan semua itu dijadikan sawah yang besar. Ini kita lakukan sekarang.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi terdapat 296,000 petani dan juga kerajaan akan sentiasa mendapatkan 65% keluaran beras ataupun padi tempatan.

Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kerja menanam padi ini bukanlah satu kerja yang ekonomikal dari segi pulangan. Sebenarnya tanah-tanah yang 672,000 hektar tadi boleh digunakan untuk kegunaan lain. Dengan lain perkataan, petani-petani yang 296,000 orang tadi telah pun berkorban demi kepentingan strategi negara. Jadi, oleh kerana pengorbanan petani-petani tadi, adakah kerajaan memikirkan insentif baru umpamanya, menghapuskan cukai tanah pertanian ataupun tanah-tanah padi dan juga akan menaikkan harga padi, bukannya menaikkan harga beras tetapi menaikkan harga padi untuk memberikan pendapatan yang lebih kepada petani-petani tadi.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan insentif yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, perkara ini sedang ditimbang oleh kerajaan, dari segi ini memanglah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengarahkan pihak kementerian untuk menyediakan satu kertas kerja yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh para petani.

Memanglah kita sedar bahawasanya 296,000 orang petani itu adalah menjalankan kerja yang begitu boleh dikatakan pengorbanan yang telah dilakukan oleh mereka. Tetapi sebenarnya,

perusahaan sawah ini adalah satu perusahaan yang begitu menguntungkan sebenarnya, yang menjadi masalahnya ialah sawah yang mereka usahakan itu kecil, ada yang satu ekar, ada yang lima ekar. Kalaulah kita besarkan ladang itu maka sudah tentulah mereka akan mendapat keuntungan yang lebih lagi. Misalnya, di Australia dan juga di tempat-tempat lain, jumlah yang diusahakan beratus-ratus dan beribu-ribu ekar.

Dengan sebab itulah, cara ekstensif ini memang kita galakkan, sebab itulah saya katakan tadi, walaupun terdapat bilangan petani ini adalah besar, yang mengusahakan tanah juga besar tetapi pihak kementerian bercadang selepas generasi yang sekarang ini bersawah, kita hendakkan kalau boleh anak-anak mereka berusaha dengan pihak industri pembuatan dengan lain perkataan kita akan releasekan labour force, dengan izin, supaya dapat kita mengurangkan mereka yang berusaha di ladang ini.

PEKERJA ASING - JUMLAH DAN PERATUS PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG DITANGGUNG OLEH KEMENTERIAN

9. **Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa peratusan perkhidmatan kesihatan negara kita yang digunakan oleh pekerja asing yang berdaftar dan haram. Berapakah belanja kesihatan pekerja-pekerja ini yang ditanggung oleh kementerian. Adakah kementerian bercadang meningkatkan bayaran penggunaan perkhidmatan kesihatan oleh rakyat asing.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab dua pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Low Kai Meng iaitu soalan No. 9 dan No. 22 pada hari ini bersekali kerana ianya menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai maklumat berasingan mengenai bilangan pekerja-pekerja asing yang berdaftar dan haram yang menggunakan perkhidmatan rawatan perubatan kerajaan. Secara keseluruhannya bayaran perubatan yang belum dijelaskan oleh pesakit warga asing termasuk pekerja asing yang berdaftar dan haram adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Bayaran (Juta)
1994	- RM4.06

1995	-	RM5.4
1996	-	RM6.22

Langkah yang diambil oleh kementerian untuk menuntut hutang ini adalah sama seperti untuk warga tempatan iaitu dengan penghantaran surat peringatan dan notis tuntutan undang-undang kepada pesakit yang berhutang. Untuk mengurangkan tunggakan daripada pesakit warga asing, kutipan deposit semasa kemasukan ke wad juga diperketatkan di samping memastikan pesakit membayar bil semasa 'discharge'. Masalah tunggakan berlaku disebabkan pemakaian dasar sosial di mana rawatan diutamakan dari bayaran. Juga terdapat kes-kes warga asing yang memberi alamat palsu atau lari dari wad untuk mengelakkan bayaran bil hospital yang dikenakan.

Dasar kerajaan adalah untuk menentukan bahawa penjagaan kesihatan asas meliputi semua lapisan masyarakat termasuk warga asing. Angka sebenar kos perbelanjaan kesihatan bagi pekerja-pekerja asing tidak dapat diperolehi disebabkan caj-caj yang subsidise, dengan izin, yang dikenakan sekarang. Juga Kementerian Kesihatan tidak mempunyai maklumat mengenai kos terperinci bagi setiap rawatan atau perkhidmatan yang diberi.

Mulai 13hb. Januari, 1994 di bawah perintah fees perubatan tahun 1994 kerajaan telah melaksanakan kadar bayaran rawatan perubatan yang lebih tinggi kepada rakyat asing. Secara am caj pesakit luar dan caj wad bagi rakyat asing adalah dua kali ganda caj-caj yang dikenakan kepada rakyat Malaysia.

Bagi semua rawatan atau perkhidmatan, rakyat asing dikenakan bayaran atas kadar caj wad kelas satu. Kadar caj ini sungguhpun lebih tinggi masih mengandungi elemen subsidi kerajaan. Kementerian Kesihatan sedang mengkaji semula caj-caj hospital yang akan termasuk kajian semua caj-caj bagi warga asing. Formula yang sama seperti yang dipakai sekarang akan dicadangkan.

Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kadar bayaran hospital dan klinik swasta akan diwajibkan memperolehi kelulusan

pengesanan kadar bayaran perkhidmatan kepada pesakit-pesakit bagi menjamin kepentingan para pengguna?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, hospital-hospital swasta adalah satu entiti yang 'private', oleh itu kita tidak ada kadar yang ditentukan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, soalan tambahan ini saya tahu jawapannya barangkali tak mungkin. *[Ketawa]* Soalannya begini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah tahu jawapannya, hendak bertanya apa lagi?
[Ketawa]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada ekorannya yang dia perlu jawab. Soalan tambahan saya begini. Perubatan, pesakit ini adalah masalah semua manusia. Yang Berhormat kemungkinan dia tidak pernah sakit, jadi, dia tidak tahu!
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya, adakah pihak kerajaan memikirkan atau bercadang atau terlintas untuk memberi percuma kepada pesakit-pesakit yang masuk hospital, yang pergi mendapatkan ubat di hospital, sampai masanya saya katakan negara kita ini memikirkan untuk memberi percuma kepada rakyatnya dan mereka yang bekerja sebagai 'halal' di negara kita ini. Kalau tidak, berapa lama lagi?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, memang saya pun sakit juga satu masa!
[Ketawa] Kementerian telah juga bercadang memberi perlindungan insurans kesihatan wajib bagi pekerja-pekerja asing dan semua pekerja-pekerja bukan asing termasuk warganegara kita. Cadangan tersebut telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja-pekerja asing pada 2hb. Julai 1996 dan yang diambil maklum oleh Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 10hb. Julai 1996.

Pelaksanaan skim perlindungan insurans kesihatan bagi pekerja asing sedang disalurkan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (Bahagian Penswastaan). Oleh itu kita fikir semua pekerja-

pekerja kita di masa yang akan datang memang ada membayar insurans dan dapat perkhidmatan terus mereka dan bayaran melalui skim insurans.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 31 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan.” [22hb. Mei, 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sebelum saya menyambung kembali jawapan kementerian ke atas perbahasan Titah DiRaja, Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri di atas kesudian beliau membantu kementerian menjawab perbahasan ke atas Titah DiRaja pada 22hb. Mei yang lalu. Terima kasih Yang Berhormat Dato'.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Sama-sama! [Ketawa]

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah binti Baheran sewaktu sesi jawapan kementerian ke atas perbahasan Titah DiRaja telah menyentuh kembali sejauh mana kejayaan KEMAS secara menyeluruh berdasarkan perincian data-data statistik yang terkumpul.

Suka saya menarik perhatian kedua-dua Yang Berhormat Senator, berdasarkan perincian data-data yang dikumpul oleh KEMAS melalui dua program utama iaitu Program Pembangunan Kanak-kanak dan Program Pembangunan Manusia, KEMAS telah mengendalikan sejumlah

7,232 kelas pendidikan prasekolah yang memberi pendidikan kepada sejumlah 215,358 orang kanak-kanak.

Bagi kelas asuhan kanak-kanak, KEMAS telah mewujudkan sebanyak tujuh buah kelas dan memberikan khidmat jagaan kepada 150 orang kanak-kanak. Program Pendidikan Kecemerlangan Kanak-kanak pula meliputi sejumlah 596 buah kelas dan membabitkan tenaga kerja KEMAS sejumlah 196 penyelia dan 596 pemaju masyarakat.

Di bawah Program Pembangunan Manusia, KEMAS telah menjalankan aktiviti pendidikan kesejahteraan keluarga di mana melibatkan sebanyak 2,856 buah kumpulan yang merangkumi 14,459 individu peserta. Bagi aktiviti pendidikan agama Islam iaitu Bina Insan, ianya melibatkan sejumlah 46,825 peserta dan melibatkan sejumlah 2,147 buah kumpulan. Aktiviti pendidikan kemahiran pula telah berjaya melatih sejumlah 22,442 peserta dan membabitkan 1,651 buah kumpulan. Selain itu KEMAS juga telah mewujudkan 69 buah pusat sumber dan 142 buah perpustakaan masyarakat yang mana mampu memberikan sumbangan keilmuan kepada sejumlah 68,922 individu masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail pula menyentuh tentang Program Pembasmian Kemiskinan

Puan Kamilia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat yang minta laluan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah memberikan data-data yang telah dikemukakan tadi. Saya ingin penjelasan adakah dengan apa yang telah diperkatakan tadi dengan maklumat dan data-data yang telah diberikan dan juga program-program yang telah dilaksanakan, pihak kementerian telah mencapai matlamat kementerian dalam usahanya untuk pembangunan manusia dan juga pembangunan desa termasuklah juga tadi program kanak-kanak.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat kementerian, kementerian puas hati. *[Ketawa]*

Bagi Rancangan Malaysia Ketujuh, strategi yang di

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Datuk Haji Hashim.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai pendidikan Islam di mana saya mengalami di kawasan saya mereka terlibat dengan kelas agama Islam yang berumur tetapi selepas itu tidak boleh menyambung tugas, kekosongan tidak diisi, dengan kata lain bermakna tenaga pengajar yang mengajar agama Islam di bawah KEMAS semakin berkurangan sedangkan tenaga muda tidak ditambah.

Apakah langkah kementerian untuk memastikan pendidikan Islam itu terus meningkat untuk pembangunan insan di kawasan luar bandar?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, jika satu-satu kekosongan itu berlaku, maka Kementerian akan mengambil tindakan untuk mengisinya. Jika Yang Berhormat boleh memberikan butir-butir lanjut, saya akan mengambil tindakan serta-merta untuk mengisikan kekosongan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, tentang ucapan yang dikatakan tadi sudah beratus-ratus, beribu-ribu yang diadakan kelas KEMAS, betul, kita tidak nafikan. Tetapi mengapa masih kurang lagi bukan di dalam kampung, di dalam bandar sendiri kelas-kelas KEMAS banyak lagi yang tidak mencukupi, tetapi saya soal ini sudah dijawab pada tahun yang telah sudah katanya akan ditambah, walhalnya saya rasa sampai hari ini belum ditambah, seperti kata sahabat saya Yang Berhormat tadi kita minta ditambahkan seberapa segera. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan di sini bahawa tanggungjawab untuk menjalankan tadika di bandar bukan tanggungjawab kementerian saya, itu kementerian yang lain. Di luar bandar ini adalah tanggungjawab Kementerian Pembangunan

Luar Bandar. Kementerian juga pada masa kini ada lebih daripada 7,000 kelas. Jika ada permintaan, maka kita boleh pertimbangkan. Kita ada saluran-saluran yang tertentu, melalui saluran-saluran itu Yang Berhormat boleh kemukakan permohonan, tidak ada salah, saya ada di sini, saya boleh tolong. *[Ketawa]*

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kepada saya sekurang-kurangnya kerana saya ini daripada luar bandar, saya berhadapan kepada KEMAS ini agak kerap jugalah. Cuma saya rasa tadi bila dikatakan puas hati di atas pencapaian KEMAS, saya rasa kalau dikatakan kelas tadika KEMAS, saya setuju kerana memanglah kelas tadika KEMAS memainkan peranan yang begitu baik. Cuma saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan, adakah seikhlas-ikhlasnya Yang Berhormat menyatakan bahawa pemaju-pemaju masyarakat ini terutamanya yang telah lanjut usianya, yang memang sudah patut bersara yang diambil balik bekerja telah menjalankan tugas-tugas mereka? Dan katalah, jika satu hari kalau kita ada ISO 9000 pun mungkin kita namakan lain-lain, mereka ini bolehkah lulus di dalam pencapaian sebagai pegawai yang bertanggungjawab? Terima kasih.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pendidikan pun menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar. Untuk mendapat tenaga pengajar yang sesuai, itu masalah juga, oleh sebab itu kita mengambil pekerja-pekerja atau pemaju-pemaju yang bersara untuk bekerja jangka pendek juga. Apabila kita dapat pemaju-pemaju yang sesuai, kita akan mengganti dengan pemaju-pemaju yang bersara itu. Oleh sebab itu, saya boleh beri jaminan di sini bahawa kita ada keyakinan penuh dengan mereka itu telah bertugas dengan kementerian beberapa lama, mungkin umurnya meningkat tetapi mereka memegang tanggungjawab di kelas-kelas itu.....

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Timbalan Menteri sila teruskan.

Dato' K. Kumaran: Bagi Rancangan Malaysia Ketujuh, strategi yang ditekankan oleh kerajaan dalam melaksanakan program pembasmian kemiskinan, khususnya Program Pembangunan Rakyat Termiskin adalah secara bersepadu. Tumpuan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai bilangan keluarga termiskin yang tinggi dan memperkemaskan mekanisme pelaksanaan untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan PPRT. Ketiga-tiga strategi ini adalah untuk meningkatkan lagi pelaksanaan program ini.

Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengambil langkah-langkah berikut:

- memberi tumpuan kepada 6 buah negeri yang mempunyai bilangan keluarga termiskin yang tinggi iaitu Kelantan, Kedah, Terengganu, Perak, Sabah dan Sarawak. Bagi 4 buah negeri di Semenanjung, tumpuan diberi kepada 20 buah daerah yang mempunyai bilangan keluarga termiskin yang tinggi. Bagi memperkemaskan mekanisme pejabat daerah ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menetapkan pegawai-pegawai KEMAS di pejabat daerah tersebut khususnya untuk membantu pejabat daerah memberi tumpuan kepada pelaksanaan PPRT;
- bagi negeri Kelantan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengusahakan KESEDAR, RISDA, FELCRA dan KEMAS untuk bertanggungjawab sebagai penyelarasan utama bagi perancangan dan pelaksanaan PPRT di jajahan-jajahan Kelantan;
- di negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar mewujudkan kerjasama yang rapat dengan mekanisme penyelarasan di peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Puan Hajah Selemiah binti Hashim, Puan Kamilia binti Ibrahim, Puan Sri Sarasa Pasamanickam, Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Puan Hajah Zaleha binti Hussin, Tuan Haji Hassan bin Ali, Tuan Ding Seling, Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, Puan Hajah Ramlah binti Kassim, Tuan Haji Sairin bin Karno dan Puan Hajah Rahaiah binti Baheran yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa soalan jawab mulut atau membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Untuk menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Puan Sri Sarasa Pasamanickam, Tuan Ding Seling, Puan Hajah Ramlah binti Kassim, Tuan Haji Sairin bin Karno dan Puan Hajah Zaleha binti Hussin yang menyentuh mengenai kebimbangan dan keresahan terhadap aspek pembangunan institusi keluarga dan keibubapaan. Kementerian memang sedar dan peka terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Keprihatinan yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat amatlah dihargai kerana sememangnya kita harus sentiasa peka dan saling bantu membantu bagi mencapai pembangunan yang dihajati.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun menjadikan keluarga dan ibu bapa sebagai sasaran utama program dan aktivitinya. Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah mewujudkan pakej-pakej latihan dan pendidikan mengenai pembangunan keluarga dan keibubapaan yang meliputi aspek-aspek perkahwinan dan kekeluargaan, keibubapaan anak kecil, keibubapaan anak remaja, pembangunan remaja, kesihatan reproduktif dan kebapaan. Pakej-pakej tersebut adalah dibuat untuk kumpulan-kumpulan sasar khusus seperti pasangan yang akan mendirikan rumah tangga, pasangan muda

(young couples), pasangan yang sudah lama berkahwin dan kumpulan remaja. Pakej-pakej tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada golongan tersebut bagi memantapkan keluarga masing-masing.

Peranan kaum bapa di dalam pembentukan keluarga yang mantap juga diberikan penumpuan berdasarkan kepada pakej kebapaan yang disediakan oleh LPPKN dan ini adalah selaras dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha Hussin. Sehubungan ini, sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari kalangan lelaki adalah diharapkan sebagai teladan kepada masyarakat umum mengenai peri pentingnya penglibatan kaum bapa di dalam pelaksanaan tanggungjawab bersama dalam keluarga masing-masing.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Puan Kamilia Ibrahim berkaitan dengan penubuhan family centres, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNPM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memang bercadang untuk mengadakan pusat yang memberi fokus kepada keluarga di mana pelbagai agensi dilibatkan untuk memberi kerjasama. Pada masa ini Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menubuhkan 41 pusat aktiviti kanak-kanak untuk memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak yang berisiko. 158 pusat pemulihan dalam komuniti untuk kanak-kanak kurang upaya. Sungguhpun tempat-tempat ini mempunyai objektif tertentu, ia boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain bagi keperluan keluarga termasuk taska, tabika, program hari keluarga dan lain-lain. Usaha-usaha sedang diambil untuk memperluaskan program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu perpaduan nasional yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling pula, kementerian amat bersetuju dengan pandangan bahawa setiap individu perlu mempunyai pengetahuan yang mantap mengenai budaya dan tatasusila sesuatu kaum. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program berbentuk kesedaran seumpama itu adalah program berterusan yang dilaksanakan oleh kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara. Selain dari itu, penumpuan juga diberikan terhadap ciri-ciri kesamaan, budaya dan

amalan serta nilai-nilai murni budaya sesuatu kaum yang perlu difahami dan dihayati oleh keseluruhan masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya untuk menyentuh mengenai isu yang lebih besar iaitu masalah gejala sosial yang menggawatkan negara kita pada masa ini. Isu ini telah dibangkitkan oleh hampir kesemua Ahli Yang Berhormat yang berucap semasa membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ucapan-ucapan tersebut adalah menyentuh mengenai punca pemaparan kepada masalah semasa dan seterusnya cadangan-cadangan mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu sosial yang dihadapi sekarang menyentuh setiap peringkat sama ada kanak-kanak remaja dan belia, keluarga dan masyarakat, golongan kanak-kanak yang merupakan golongan amat vulnerable dan memerlukan penjagaan rapi serta perlindungan dan kawalan kini tidak terjamin keselamatan mereka. Kanak-kanak menjadi mangsa dera dan penganiayaan. Pembuangan bayi semakin meningkat. Lebih serius lagi, anak-anak juga digunakan untuk memenuhi nafsu seks bapa atau penjaga. Ini boleh dilihat daripada peningkatan kes-kes sumbang muhrim, perkosaan dan kes rogol.

Keruntuhan moral di kalangan remaja hangat diperdebatkan. Perlakuan seks bebas seperti bohsia dan bohjan adalah antara isu yang mengejutkan masyarakat umum. Pergaulan bebas serta hilangnya konsep malu dikatakan mengakibatkan remaja tidak segan silu bercumbuan di khalayak umum, bersekedudukan, menjual diri dengan harga rendah untuk kepuasan seks.

Jenayah yang pada masa dahulu dianggap sebagai masalah orang dewasa kini sering dikaitkan dengan remaja dan kanak-kanak belasan tahun. Kes anak-anak yang tidak boleh dikawal oleh ibu bapa juga telah meningkat. Kemampuan ibu bapa sebagai pelindung dan penjaga anak boleh dipersoalkan. Kini ibu bapa sebagai penjaga juga menghadapi masalah dan cabaran dalam hubungan kekeluargaan dan tidak mampu menangani keadaan ini. Ini membawa kepada meningkatnya kes-kes keganasan rumah tangga di mana kebanyakannya isteri menjadi mangsa. Konflik suami isteri berakhir dengan perceraian didapati kian meningkat.

Masalah penyalahgunaan dadah yang diisytiharkan sebagai musuh utama negara dalam dekad 80-an kian rumit dengan munculnya penagihan baru seperti pil khayal, menghidu gam dan lain-lain. Lebih membimbangkan ialah kemunculan penyakit HIV dan AIDS yang dikesan di kalangan 70% penagih dadah. Lebih merumitkan ialah penyakit ini bukan sahaja tidak boleh diubati, tetapi ia amat mudah merebak di zaman perlakuan seks bebas dan di luar batas normal.

Keadaan sosial di negara kita bertambah rumit akibat tuntutan daripada pembangunan ekonomi yang pesat. Penghijrahan daripada luar bandar ke bandar dan proses urbanisasi

mengubah gaya hidup dan nilai pegangan ahli masyarakat. Di samping itu, keperluan kepada tenaga buruh memerlukan negara mengimport buruh asing yang turut membawa bersama budaya dan nilai masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai strategi bertindak telah diambil oleh pelbagai pihak untuk membanteras gejala yang timbul bagi menangani permasalahan sosial secara lebih bersepadu dan menyeluruh. Bagi menghasilkan impak yang lebih berkesan, kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa peringkat tertinggi antara agensi. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Masalah Sosial yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Satu pelan tindakan telah dihasilkan di bawah jawatankuasa tersebut.

Pendekatan dan strategi penyelesaian yang dikemukakan dalam pelan ini berpandukan kepada matlamat bagi membentuk masyarakat dalam acuan sendiri serta berasaskan falsafah dan cantuman nilai-nilai Rukunegara dan Wawasan 2020. Program-program yang akan dilaksanakan kelak akan merangkumi program-program berteraskan insaniah dan sokongan. Tumpuan dan penekanan program berteraskan insaniah adalah berlandaskan kepada lima perkara pokok, iaitu individu, ibu bapa, keluarga, komuniti dan masyarakat. Bagi teras sokongan ialah menumpukan kepada aspek-aspek pendidikan, media, perundangan, kemudahan sosial dan kesihatan. Sejumlah 110 program dan 366 aktiviti telah dihasilkan sebagai cadangan penyelesaian permasalahan sosial.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pelan Tindakan Sosial Negara tersebut telah pun diluluskan oleh Kabinet. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah kejayaan program-program yang dicadangkan di bawah pelan tersebut amat bergantung kepada komitmen serta kerjasama semua pihak, iaitu kerajaan melalui kementerian, jabatan serta agensinya, pihak swasta, NGO dan masyarakat amnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan serta ulasan terhadap

bidang tugas Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, dan jika terdapat soalan-soalan yang tidak dijawab atau diulas, saya memohon maaf, dan pihak kementerian akan mengambil perhatian terhadapnya.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Apakah kerajaan bercadang untuk menggubal sama ada undang-undang baru atau sebagainya bagi membolehkan perkara gejala-gejala buruk ini tidak berlaku berleluasa. Contohnya, perkucupan bebas di depan khalayak ramai. Mungkinkah kerajaan boleh mengenakan kompaun kepada sesiapa sahaja yang berbuat demikian. Kerana kita tidak mahu walaupun negara kita sedang menuju ke arah negara maju, akan tetapi akar budaya kita hendaklah kita pertahankan sebagai negara Malaysia. Saya juga meminta agar kerajaan memikirkan satu cara selain daripada kursus-kursus kerana ada juga program-program yang dibuat oleh pihak kementerian yang tidak dihadiri oleh golongan remaja ini.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan undang-undang mengikut yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi ada dua perkara, iaitu undang-undang yang telah sedia ada. Yang kedua, mungkin yang disentuh oleh Yang Berhormat, undang-undang baru atau apa yang perlu mengikut apa yang difikir patut dibuat oleh kerajaan menerusi kementerian masing-masing. Kerana di dalam pelan tindakan atau jawatankuasa yang telah saya sebutkan tadi, ini melibatkan banyak kementerian. Jadi, sebagai contohnya, Ahli-ahli Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Masalah Sosial adalah 11 - menteri, 1 - Timbalan Menteri, 3 - Ketua Setiausaha, 4 - Ketua Pengarah, dan 1- Ketua Polis Negara.

Jadi, ini memang melibatkan banyak cadangan. Yang saya sentuhkan tadi aktiviti-aktiviti ini memang banyak. Oleh kerana itu, segala undang-undang yang sedia ada, kalau perlu memang akan diubah. Ini sedang diusahakan oleh kementerian dan kementerian lain yang terlibat. Begitu juga sekiranya memerlukan undang-undang baru untuk membanteras gejala sosial ini yang melibatkan remaja yang disebut oleh kita 'bohsia', memang ini akan difikirkan oleh Jawatankuasa Kabinet tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kesihatan.

4.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada isu-isu di bawah fungsi dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan, semasa berucap membahaskan Titah DiRaja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim yang membangkitkan isu peningkatan kos rawatan pesakit. Beliau telah mempersoalkan sama ada taraf kesihatan meningkat selari peningkatan kos rawatan. Di samping itu, beliau juga menegur tentang kekurangan fasiliti di hospital untuk anak-anak cacat, dan beliau menyarankan supaya kempen-kempen diadakan bagi menangani penyakit-penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar kos rawatan bagi pesakit makin meningkat. Belanjawan mengurus bagi program rawatan perubatan telah naik daripada RM840 juta pada tahun 1991 kepada RM1.280 juta pada tahun 1997, kenaikan RM433 juta ataupun 51%. Kos perkhidmatan perubatan kepada kerajaan juga meningkat dengan penambahan bilangan pesakit, perubahan corak penyakit dari jenis akut ke jenis kronik serta perkembangan teknologi perubatan yang begitu pesat.

Namun demikian, caj bagi rawatan pesakit di hospital kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan kekal pada kadar yang rendah dan tidak dinaikkan sejak tahun 1982 hingga sekarang. Bayaran perkhidmatan rawatan untuk pesakit tidak berubah sejak 50 tahun yang lepas, iaitu berdasarkan Perintah (Fee Perubatan) 1982. Sebagai contoh, rawatan pesakit luar am dikenakan caj RM1.00, dan bagi perkhidmatan bersalin biasa pesakit kelas tiga dikenakan caj RM10.00 sahaja. Taraf kesihatan sebenarnya tidak boleh dikaitkan dengan kos rawatan bagi pesakit kerana banyak faktor lain yang mempengaruhi taraf kesihatan, seperti status pendidikan, perumahan, pemakanan, pendapatan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, taraf kesihatan rakyat negara ini

telah meningkat seperti yang dibuktikan dalam jangka hayat hidup yang meningkat dari 66.1 tahun pada tahun 1990 ke 69.4 tahun pada tahun 1995, dan 65.5 tahun ke 74.2 tahun bagi wanita. Kadar kematian bayi pula telah menurun dari 4.8 dari 1,000 bayi ke 10.4 dari 1,000 bayi dalam tempoh yang sama.

Kementerian Kesihatan juga telah menyediakan pelbagai perkhidmatan bagi kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas. Hospital cuma merupakan tempat di mana kanak-kanak mendapat rawatan sekiranya mempunyai masalah perubatan. Mengikut pelan tindakan National Programme of Prevention and Control of Disability, dengan izin, yang dikelolakan oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan sebanyak 20 buah klinik base rehabilitation, dengan izin, telah ditubuhkan di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan rehabilitative kepada kanak-kanak cacat setakat ini. Di samping itu, 150 buah community base rehabilitation centre, dengan izin, telah juga ditubuhkan di seluruh negara yang mana 58 buah daripadanya adalah dengan usaha sama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kemudahan dan perkhidmatan untuk kanak-kanak cacat akan diperluaskan pada masa akan datang, dan adalah nyata kemudahan yang disediakan tidak boleh dikatakan sebagai tidak mencukupi.

Kementerian Kesihatan sememangnya telah menjalankan kempen-kempen bagi menangani penyakit-penyakit. Melihat kepada peningkatan penyakit dari penyakit-penyakit berjangkit yang berkait rapat dengan gaya hidup rakyat, kementerian telah melancarkan kempen 'Cara Hidup Sihat' pada tahun 1991 dengan fokus kepada penyakit jantung. Ini disusuli dengan AIDS - 1992, kebersihan makanan - 1993, kesihatan kanak-kanak - 1994, kanser - 1995, dan diabetes - 1996. Susulan kepada kempen 'Cara Hidup Sihat' itu, kerajaan telah meluluskan penerusan kempen Cara Hidup Sihat Fasa II mulai tahun 1997 hingga tahun 2002. Tema bagi tahun 1997 ialah "Makan Untuk Kesihatan".

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam telah mencadangkan agar diwajibkan pemeriksaan perubatan tahunan bagi semua pegawai kerajaan

terlebih dahulu dan kemudiannya dipanjangkan kepada golongan-golongan yang lain. Beliau juga mencadangkan supaya pesakit menggunakan perkhidmatan hospital swasta memandangkan hospital awam tidak mampu menampung semua pesakit. Di samping itu, beliau juga mengesyorkan skim insurans diwajibkan dan sistem bayaran yang mudah dan fleksibel untuk hospital swasta diwujudkan, rakyat perlu dibantu memilih makanan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang sedia ada, pegawai kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berumur 40 tahun dan lebih diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan dari masa ke semasa. Sama ada kemudahan ini hendak dipanjangkan kepada golongan-golongan lain, pada masa ini belum diberi pertimbangan, kerana pemeriksaan perubatan tahunan bagi semua pegawai kerajaan adalah merupakan satu dasar yang perlu dikaji dan dipertimbangkan terlebih dahulu oleh Kementerian Kesihatan bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Walau bagaimanapun, buat masa ini semua anggota kerajaan baru diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan separa perkhidmatan. Pemeriksaan kesihatan juga diwajibkan bagi golongan-golongan tertentu yang terdedah kepada risiko-risiko seperti pekerja-pekerja di kuari dan mereka yang bekerja di tempat-tempat terdedah kepada radiasi seperti Jabatan Radiology di hospital. Terdapat juga skim pemeriksaan bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan yang wujud sejak tahun 1969. Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk memperluaskan pemeriksaan kesihatan kepada semua anggota kerajaan ataupun kepada golongan-golongan yang lain, kerana ini merupakan satu program 'mass screening', dengan izin, yang mana faedahnya tidak dibukti.

Walau bagaimanapun, hospital-hospital Kementerian Kesihatan sudah mempunyai sistem di mana mereka yang perlu pemeriksaan kesihatan berdasarkan keperluan perubatan akan diberikan perkhidmatan tersebut. Hospital-hospital Kementerian Kesihatan telah menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dengan kadar bayaran yang rendah sekali, yang mana lebih daripada 99% kosnya adalah ditanggung oleh kerajaan. Perkhidmatan yang diberikan adalah berdasarkan kepada keperluan perubatan, 'medical needs dengan izin, dan bukannya kemampuan

untuk membayar ataupun kehendak pesakit. Di seluruh dunia tidak ada satu pun negara yang mampu menyediakan segala perkhidmatan yang diperlukan oleh rakyat. Pesakit yang memilih untuk menggunakan kemudahan di hospital swasta perlu menanggung kosnya kerana alternatif memang sudah disediakan di hospital-hospital kerajaan.

Mengenai cadangan untuk mewujudkan skim insurans rawatan, ianya sedang dikaji oleh kerajaan dan keputusan mengenainya belum lagi dibuat. Hospital swasta merupakan satu entiti perniagaan yang mana operasinya khas mengenai cara bayaran adalah di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun, kebanyakan hospital swasta mempunyai bahagian tertentu yang mana bayaran boleh dirundingkan sekiranya pesakit menghadapi masalah untuk membayar. Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan untuk membantu rakyat memilih makanan yang sihat. Di antara usaha-usaha ini ialah pelaksanaan Kempen Cara Hidup Sihat yang telah dilancarkan pada tahun ini yang bertemakan 'Makanan Untuk Kesihatan (healthy eating)'.

Kempen ini bertujuan untuk mengubah dan memperbaiki tabiat dan amalan pemakanan orang ramai untuk mempertingkatkan kesihatan mereka. Program-program latihan pemakanan telah diadakan di pelbagai peringkat untuk menambah pengetahuan dan kemahiran kakitangan kesihatan dan agensi-agensi lain agar mereka ini dapat memberi maklumat dan seterusnya mengajar rakyat cara pemakanan yang sihat melalui sistem penjagaan kesihatan yang sedia ada seperti demonstrasi makanan di peringkat klinik-klinik dan masyarakat. Maklumat mengenai cara memilih makanan yang sihat juga disebar secara meluas melalui media cetak dan elektronik.

Kementerian Kesihatan juga telah menerbitkan sebuah buku resipi sihat pilihan bijak yang dilancarkan pada 27hb. Februari 1997. Buku ini merupakan panduan kepada orang ramai tentang bagaimana contoh resipi makanan Malaysia boleh diubahsuai dari segi penggunaan ramuan dan memasak untuk menurunkan kandungan kalori terutama lemak yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong telah membangkitkan isu menara telekomunikasi di mana terdapat kajian seperti contoh di New Zealand menunjukkan ianya boleh menyebabkan penyakit kanser kepada penduduk di persekitaran menara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawatankuasa saintifik antara agensi termasuk universiti-universiti dan agensi-agensi yang terlibat dengan medan elektromagnet telah digubal oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengkaji kesan-kesan elektromagnet termasuk gelombang mikro dari menara telekomunikasi ke atas kesihatan pada tahun 1996. Jawatankuasa ini telah membuat kajian dan banyak kajian-kajian yang telah dijalankan berhubung dengan kesan-kesan elektromagnet ke atas kesihatan.

Berasaskan kepada maklumat-maklumat saintifik yang sedia ada, jawatankuasa saintifik ini berpendapat tidak ada bukti yang menunjukkan gelombang mikro dari menara telekomunikasi akan menyebabkan penyakit kanser kepada penduduk di persekitaran menara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno telah meminta supaya Kementerian Kesihatan memastikan jawatan pegawai perubatan di daerah Nabawan mencukupi. Buat masa ini hanya terdapat satu jawatan sahaja dan ianya tidak mencukupi. Di daerah Suk pula, jawatan pegawai perubatan tidak diisi dari bulan Januari 1997 sehingga kini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat tentang kedudukan perjawatan terutamanya jawatan-jawatan profesional seperti pegawai perubatan untuk memastikan perkhidmatan yang diberi kepada orang ramai tidak terjejas. Dalam hubungan ini, norma perjawatan yang ditetapkan bagi jawatan pegawai perubatan untuk sebuah klinik kesihatan adalah hanya satu jawatan sahaja berasaskan jumlah penduduk yang terdapat di kawasan itu dan oleh beban kerja yang dialami.

Oleh itu, jika terdapat keperluan untuk menambahkan jawatan pegawai perubatan di klinik kesihatan Nabawan kerana pertambahan jumlah penduduk atas peningkatan beban kerja, maka Kementerian Kesihatan bersedia untuk menimbangkan menambah jawatan pegawai

perubatan di klinik-klinik kesihatan tersebut. Klinik kesihatan Suk hanya beroperasi sepenuhnya mulai 1hb. Mac 1997 dan Kementerian Kesihatan mengambil tindakan untuk mengisi jawatan pegawai perubatan di klinik kesihatan tersebut.

Di negeri Sabah sebanyak 263 jawatan daripada 487 jawatan pegawai perubatan telah diisi pada masa kini. Baki kekosongan tersebut adalah ditampung dengan perkhidmatan pegawai perubatan kontrak iaitu seramai 78 orang. Penempatan pegawai-pegawai perubatan di hospital dan peringkat daerah adalah dilaksanakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Sabah sendiri setelah mengkaji keperluan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah membangkitkan berkenaan perkhidmatan telesihat di hospital, klinik swasta dan klinik luar bandar amat baik. Kementerian Kesihatan perlu memastikan bahawa orang ramai yang tidak mampu mendapat perkhidmatan yang berkualiti kerana perkhidmatan yang sedia ada sekarang tertumpu kepada mereka yang berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat jelata melalui rangkaian 112 hospital, 772 buah klinik kesihatan, 1,987 klinik desa dan 284 klinik bergerak. Perkhidmatan hospital dan klinik-klinik kesihatan sebenarnya ditumpukan kepada mereka yang kurang mampu kerana kos yang begitu rendah, yang di klinik-klinik kesihatan ia adalah percuma. Hampir 90% daripada kos rawatan di hospital adalah ditanggung oleh kerajaan. Bagi mereka yang tidak mampu terdapat sistem di mana pesakit boleh memohon untuk dikecualikan sebahagian daripada bayarannya.

Sepertimana yang saya katakan tadi, perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit adalah berdasarkan kepada keperluan pesakit atau medical needs, dengan izin dan bukannya kemampuan pesakit untuk membayar. Pesakit dirujuk dari satu peringkat ke satu peringkat yang lebih tinggi sekiranya rawatan khusus diperlukan dengan kos yang sebahagian besar ditanggung oleh kerajaan.

Perkhidmatan teleperubatan adalah satu langkah untuk menyediakan perkhidmatan khusus khasnya perkhidmatan pakar ke tempat-tempat di mana pakar tidak dapat ditempatkan. Dengan cara ini, lebih ramai pesakit di kawasan luar bandar akan dapat menikmati perkhidmatan khusus yang biasanya cuma disediakan di hospital-hospital yang bertempat di bandar-bandar besar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Khadijah binti Awang telah membangkitkan hal perubatan tradisional. Langkah-langkah untuk membantu memajukan industri perubatan supaya setaraf dengan perubatan moden, jika ubat-ubat tradisional terbukti berkesan, peluang harus diberikan untuk digunakan di hospital. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah kegiatan pendidikan dan pembangunan perubatan tradisional, langkah-langkah berikut telah dan sedang dilaksanakan. Kementerian Kesihatan telah menubuhkan jawatankuasa pemandu kebangsaan mengenai perubatan alternatif yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

Tiga jawatankuasa kecil tersebut ialah Jawatankuasa Produk, Jawatankuasa Latihan dan Jawatankuasa Pengamal. Kegiatan penyelidikan tentang tumbuhan, ubatan dan keselamatannya diselaraskan oleh FRIM, latihan kepada pengusaha dan pengilang ubat-ubat tradisional dijalankan oleh pihak Biro Pengawalan Farmatical Kebangsaan secara berperingkat-peringkat. Setakat ini lebih 5,000 pengusaha, pengedar dan pengeluar telah diluluskan oleh pihak biro. Biro Siasatan Sains Malaysia pula telah menjalankan latihan kepada pengamal, peniaga dan pengeluar ubat-ubatan tradisional yang tinggal di utara Semenanjung Malaysia.

Jawatankuasa Pengamal Perubatan Alternatif Kementerian Kesihatan telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan persatuan dan pengamal perubatan tradisional Melayu, Cina, India dan Homeopathy untuk mencari jalan menyelaraskan kegiatan mereka dalam bidang latihan, amalan dan pendokumentasian.

Mengenai pengiktirafan perubatan tradisional dan penyerapannya di hospital bergantung kepada beberapa faktor. Di antara faktor-faktor utama ialah penentuan keselamatan ubat-ubatan, mutu ubat-ubat dari segi standard sewaktu pengumpulan, pengeringan, pemprosesan dan pembungkusan. Walaupun pengusaha mendakwa ubat-ubat keseluruhannya berkesan dan diguna oleh masyarakat, kajian klinikal secara saintifik perlu dibuat. Ini memakan masa kerana banyak syarat belum dipenuhi. Keberkesanan ubat ini di luar negara juga perlu diteliti mengikut keadaan setempat. Sebagai rumusan, banyak pihak perlu melibatkan diri dengan pembangunan industri perubatan tradisional di Malaysia.

Sekian sahaja jawapan yang dapat saya berikan ke atas teguran Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi teguran-teguran yang tidak dapat dijawab di Dewan yang mulia ini, akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), sukacita saya menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menjawab.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Titah DiRaja di Ucapan Perasmian Penggal Ketiga Dewan Negara.

Berkenaan dengan isu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali berkenaan dengan pengusaha limousin di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah supaya mereka diberi peluang untuk dipertimbangkan untuk memberi perkhidmatan teksi limousin yang dicadangkan untuk KLIA, sebenarnya pengusaha limousin di Lapangan Terbang

Sultan Abdul Aziz Shah juga diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam tender limousin KLIA Sepang.

Selain dari itu, mereka juga diperuntukkan 30% saham syarikat yang berjaya memberi perkhidmatan kepada KLIA Sepang yang akan ditawarkan nanti. Juga untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak pengusaha limousin di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekarang juga telah membuat satu konsortium dan juga telah memasuki tender tersebut dan kementerian akan memberi pertimbangan yang sewajarnya di atas permohonan mereka.

Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin juga telah mengemukakan persoalan tentang pembentukan kelas menengah bumiputera yang masih lagi kata Yang Berhormat belum dibanggakan dan juga usaha-usaha kerajaan yang perlu digandakan dengan kerjasama sektor swasta dan juga kerajaan negeri.

Sebenarnya, pembentukan kelas menengah yang lebih besar adalah satu perkara yang baru sahaja diketengahkan oleh kerajaan. Perkara ini sedang diteliti oleh satu jawatankuasa di peringkat tertinggi yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri menerusi jawatankuasa penyelarasan untuk menambah bilangan bumiputera dalam kelas menengah. Pada masa ini memang diakui bilangan usahawan bumiputera masih kecil. Jawatankuasa yang terlibat sedang mengkaji perkara ini dan akan menggubal kaedah jangka masa panjang dan jangka masa pendek untuk melahirkan lebih ramai usahawan golongan menengah yang berkaliber.

Dalam membentuk kaedah-kaedah tersebut, kerajaan akan memberi perhatian kepada usaha melibatkan serta mempertingkatkan kerjasama sektor swasta dan juga kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri. Perkara ini telah pun dibincangkan dan telah mendapat persetujuan pihak-pihak berkenaan. Sebagai contoh, jawatankuasa berkenaan telah pun membuat keputusan supaya syarikat-syarikat besar yang berjaya serta kontraktor berwibawa membentuk program untuk melahirkan seberapa ramai usahawan bumiputera di dalam bidang mereka masing-masing.

Kerajaan-kerajaan Negeri pula dikehendaki membangunkan usahawan kelas menengah di antara lainnya menerusi penyediaan premis-premis perniagaan.

Berhubung pula dengan langkah-langkah berkesan yang boleh digunakan untuk membolehkan usahawan kecil mendapat bantuan kewangan, kerajaan telah mengenakan langkah-langkah yang berkesan ini yang digunakan untuk membolehkan usahawan kecil mendapat bantuan kewangan pada 31hb. Oktober, 1996, di mana Kementerian telah melancarkan dengan rasminya Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (Small Entrepreneur Financing Fund) (SEFF). Tabung ini merupakan satu lagi pilihan kepada usahawan-usahawan kecil mendapatkan pinjaman bagi memajukan perniagaan mereka yang sedia ada. Pembiayaan yang ditawarkan di bawah tabung ini adalah di antara RM10,000 hingga RM50,000. Tujuan Kementerian mewujudkan tabung ini adalah semata-mata untuk membantu usahawan kecil mendapatkan kemudahan pembiayaan. Ini disebabkan pembiayaan yang ditawarkan tidak memerlukan cagaran dan juga tidak memerlukan kepada jaminan dan ianya dijamin oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) sehingga 80% daripada jumlah pinjaman. Di samping itu juga yuran perkhidmatan yang dikenakan ialah pada kadar 6% di atas baki bulanan.

Kementerian sedar kebanyakan program yang ditawarkan tidak diketahui oleh usahawan-usahawan kecil khususnya di luar-luar bandar. Bagi program SEFF khususnya beberapa langkah promosi telah dan akan diambil. Di antaranya ialah dengan iklan di dalam akhbar-akhbar tempatan, poster-poster, membuat hebahan melalui siaran radio tempatan, hebahan melalui siaran langsung TV serta majlis-majlis ceramah oleh pegawai MARA negeri, daerah dan juga pegawai-pegawai Kementerian sendiri.

Untuk soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali berkenaan proses permohonan pinjaman pelajaran MARA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pendahuluan Pinjaman Pelajaran MARA (SPPM) bertujuan untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar bumiputera dari golongan miskin yang diterima masuk ke

institusi pengajian tinggi tempatan ataupun IPTA di peringkat Diploma Lanjutan dan Ijazah Pertama.

Setakat 20hb. Mei tahun ini, lebih kurang 500 orang pelajar telah menerima kemudahan berkenaan. Untuk mempercepatkan pemprosesan semua permohonan yang diterima telah diproses melalui Pejabat MARA Negeri dan bayaran sebanyak RM1,000 telah dibuat pada setiap pemohon.

Berhubung ketidakadilan di dalam pengambilan pelajar-pelajar MRSM di Batu Rakit, Terengganu, sukacita dinyatakan kepada Yang Berhormat iaitu prosedur penempatan pelajar-pelajar ke MRSM dibuat berasaskan kadar hidup ataupun SES keluarga. Pelajar yang miskin seboleh-bolehnya ditempatkan di MRSM yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Bagi pengambilan ke Tingkatan Empat pada tahun 1997, didapati pelajar-pelajar daripada Kelantan yang layak terdiri daripada SES keluarga yang rendah. Justeru itu mereka ditempatkan di MRSM terdekat iaitu MRSM Kuala Terengganu yang berhampiran dengan rumah Yang Berhormat. Pelajar-pelajar tersebut tidak dapat ditempatkan di MRSM Pasir Tumbuh, kerana MRSM ini tidak mengambil pelajar-pelajar Tingkatan Empat sementara MRSM Pengkalan Chepa hanya mengambil pelajar yang cemerlang iaitu 8A untuk program akademik. Bagi pelajar ini faktor SES tidak diambil kira. Juga untuk pengetahuan Yang Berhormat, 75 orang pelajar-pelajar daripada Terengganu telah dihantar ke MRSM Pengkalan Chepa - 40 orang ke Taiping, 77 orang ke Kelantan, 91 orang ke Kuala Berang dan seterusnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, walaupun hanya 18 pelajar dari Terengganu ditempatkan di MRSM Kuala Terengganu, sebahagian besar pelajar-pelajar Terengganu yang lain ditempatkan di MRSM berhampiran sebagaimana yang telah saya umumkan tadi. Walau bagaimanapun, di masa-masa akan datang peratusan pelajar tempatan yang diambil untuk setiap MRSM akan diambil kira supaya tidak nampak jelas bahawa pelajar-pelajar tempatan tidak dipinggirkan sebagaimana yang telah berlaku di MRSM Kuala Terengganu baru-baru ini.

Berkenaan dengan kualiti makanan di MRSM Kuala Terengganu, kementerian juga telah mengarah MARA supaya memastikan yang ianya tidak akan berlaku lagi. Sebenarnya pengambilan pembekal tersebut telah dibuat berdasarkan keputusan Lembaga Tawaran MARA, Bil.4/96 bertarikh 7hb. Mei, 1996. Proses tawaran adalah dibuat melalui proses tender terbuka di mana 16 syarikat menyertai tawaran tersebut dan tawaran dibuat pada harga yang terendah dan munasabah iaitu RM1.1 juta untuk setahun akademik. Pihak MARA telah menghantar surat amaran dan kontrak syarikat tersebut akan ditamatkan pada 31hb. Jun ini kelak. Dalam proses pengambilan penender-penender baru, penender tempatan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Titah Di-Raja dan juga pandangan dan sokongan yang telah diberi kepada Kementerian Pembangunan Usahawan sehingga kini. Diharap sokongan-sokongan ini akan berterusan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat. Dijemput Kementerian Dalam Negeri menjawab.

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang menyentuh urusan bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Perkara-perkara yang berhubung dengan rakyat asing yang bekerja di negara ini dan masalah-masalah yang dikaitkan dengan kehadiran mereka masih menjadi topik perbincangan oleh ramai Ahli Dewan yang mulia ini, antaranya Yang Berhormat Senator Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Tuan Tan Son Lee.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa kehadiran pendatang asing di negara ini mempunyai kesan ke atas kehidupan rakyat negara ini. Walau bagaimanapun, kehadiran mereka tidaklah merebut kesemua peluang pekerjaan yang ada dari pekerja-pekerja tempatan. Kerajaan sentiasa cuba memastikan tiap-tiap syarikat di negara ini menggaji pekerja tempatan dan pekerja asing mengikut syarat yang ditetapkan. Mengenai penglibatan mereka dalam kegiatan jenayah, pada keseluruhannya purata penglibatan pendatang asing dalam indeks jenayah di Malaysia adalah di sekitar 2.7% dalam tahun 1995 dan 2.3% dalam tahun 1996.

Sehubungan dengan itu mengenai pendatang dari Afrika sepertimana yang telah juga dibangkitkan, mereka telah memasuki negara ini bagi tujuan melancong dan kemasukan mereka ke negara ini adalah teratur. Walau bagaimanapun, ada segelintir daripada mereka mengambil kesempatan untuk berniaga secara haram seperti menjual jam tangan dan barangan kulit tiruan. Dalam kejadian jenayah yang berlaku di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada bulan Februari, 1997 yang lalu, yang melibatkan warganegara asing dari Afrika, 3 orang warganegara Nigeria yang terlibat telah dituduh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Berhubung dengan penyakit berjangkit yang dikatakan dibawa masuk ke negara oleh pendatang-pendatang asing, suka saya jelaskan iaitu setiap pekerja asing yang masuk ke negara ini bagi tujuan bekerja dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan. Mereka yang disahkan bebas daripada sebarang penyakit sahajalah dibenarkan bekerja. Mana-mana pekerja yang didapati mengidap penyakit berjangkit akan dihantar pulang ke negara asal.

Mengenai tambahan kawasan setinggan berikutan dengan kehadiran pendatang tanpa izin seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, pihak berkuasa yang berkaitan sentiasa dari masa ke semasa mengadakan penguatkuasaan untuk menangkap dan merobohkan rumah-rumah di kawasan setinggan berkenaan.

Mengenai ketidakupayaan polis memberikan perlindungan yang cepat sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim, adalah dijelaskan bahawa polis pada setiap masa sentiasa cuba mengamalkan prinsip 'Cepat dan Betul'. Walau

bagaimanapun, jika dalam keadaan-keadaan tertentu atau dalam masa yang sama mereka perlu menanggapi banyak kes yang dilaporkan, kebiasaannya polis mengutamakan keutamaan tindakan memandangkan kepada kekurangan anggota dan kemudahan-kemudahan seperti perhubungan dan pengangkutan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Sri Sarasa Pasamanickam pula menyatakan bahawa kes-kes rogol bersiri dan pembunuhan yang dilaporkan adalah akibat mudahnya terdapat bahan pornography dalam negara ini. Berhubung dengan perkara ini, kerajaan memandang serius dan mengambil tindakan tegas membanteras pendedaran bahan-bahan pornography sama ada di dalam bentuk penerbitan mahupun filem-filem.

Tindakan-tindakan penguatkuasaan oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti kastam, polis, Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Unit Penguatkuasaan Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri akan terus dan dipertingkatkan lagi. Di samping itu dari masa ke semasa tindakan penguatkuasaan secara bersama dan bersepadu di antara agensi-agensi penguatkuasaan juga dilakukan bagi meningkatkan keberkesanan operasi-operasi penguatkuasaan yang dijalankan.

Kerajaan juga telah bercadang untuk meminda beberapa akta dan undang-undang yang berkaitan bagi mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas mereka yang terlibat dengan kegiatan penerbitan dan pendedaran bahan-bahan pornography di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pertanyaan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, idea perancangan menganjurkan Tribunal Rakyat telah mula ditimbulkan sejak Oktober 1996 dengan dipelopori oleh SUARAM salah satu badan NGO yang lantang dan aktif dalam usaha untuk memperjuangkan isu-isu hak asasi manusia di negara ini. Tribunal Rakyat yang cuba diadakan pada 15hb. Disember, 1996 yang lalu telah ditangguhkan ke tarikh 12hb. Januari, 1997 kerana adanya bantahan dari polis serta amaran Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, pihak penganjur telah sekali lagi mengumumkan penundaan tarikh

perjumpaan tersebut pada tarikh yang belum ditetapkan, hingga sekarang kita tidak dengar apa-apa perkembangan.

Mengenai rusuhan yang berlaku di Universiti Malaya pada 28hb. Mac, 1997 ianya adalah berpunca dari perhimpunan ahli-ahli PAS yang memeralatkan sebahagiannya mahasiswa-mahasiswi universiti tempatan membantah penyertaan pasukan kriket Israel dalam Kejohanan Kriket Sedunia dalam bulan Mac, 1997 yang lalu. Perhimpunan tersebut tidak mendapat kebenaran polis dan telah diadakan secara haram. Dalam usaha mencegah perhimpunan tersebut, pihak polis telah memberi amaran sebanyak 4 kali untuk bersurai tetapi mereka yang terlibat bukan sahaja enggan berbuat demikian sebaliknya menjadi ganas. Walau bagaimanapun, keadaan kemudiannya dapat dikawal oleh polis.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali menyarankan.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat ada yang minta laluan....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab soalan saya mengenai tribunal rakyat yang dipelopori oleh NGO. Bolehkah di dalam Dewan yang mulia ini kita ingin mendapat penjelasan yang lebih luas lagi daripada pihak kerajaan kerana di dalam penulisan-penulisan di mana-mana pun kita mendapat tahu bahawa NGO terlibat, tetapi kita tidak dapat mengetahui dengan jelas NGO mana yang terlibat sebab kita mempunyai banyak NGO di negara kita dan siapakah mereka yang telah pun menjadi petualang-petualang di dalam NGO tersebut?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat Kementerian Dalam Negeri, NGO-NGO yang sama-sama giat untuk menganjurkan tribunal ini terdiri daripada antara mereka ialah Community Development Centre, Bahagian Pemuda DAP, Tenaganita, Suaram, Bahagian Pemuda Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Centre for Orang Asli concerned,

ALIRAN, Bar Council, Jawatankuasa Sokongan Peneroka Bandar. Inilah antara 9 NGO yang dikatakan sama-sama usahakan, walau bagaimanapun, pihak-pihak berkuasa telah pun memberi perhatian yang serius dan mereka telah pun diberi perhatian mengikut semua undang-undang yang sedia ada. Apa yang mereka buat selama ini adakah ikut undang-undang ataupun ada unsur-unsur pengaruh dari luarkah, semua kita kaji dan kita kawal selia. Jadi, buat setakat ini nampaknya masih tidak nampak apa-apa yang di luar kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali menyaran supaya pihak media massa dan NGO jangan menjadi alat Barat dengan bertindak dan membuat laporan yang boleh mengancam keselamatan negara. Dalam hal ini, kerajaan sentiasa mengawal laporan-laporan dan rencana-rencana yang disiarkan melalui media massa di negara ini dan tindakan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 akan diambil dengan sewajarnya ke atas mana-mana pihak yang menyiarkan laporan atau penulisan yang boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Bagi menjawab gesaan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Wan Intan, sukacita saya memaklumkan bahawa kerajaan memang dari masa ke semasa mengkaji masalah dan kelemahan dalam urusan Pas Lawatan Kerja Sementara Pekerja Asing supaya tidak menyusahkan orang ramai. Melalui projek Pemodenan dan Pengkomputeran Jabatan Imigresen Malaysia adalah diharapkan semua urusan berkaitan dengan pekerja asing dapat diuruskan dengan lebih cekap. Ingin saya jelaskan juga sama ada urusan berkaitan pas lawatan kerja sementara pekerja asing dapat diselesaikan pada hari yang sama atau tidak, bergantung kepada bilangan pekerja yang hendak diuruskan. Jika bilangan pekerja adalah ramai, urusan penyemakan dokumen akan mengambil masa yang lama. Jumlah majikan yang datang berurusan dengan Jabatan Imigresen Malaysia juga adalah ramai dan tidak semua mengemukakan permohonan yang lengkap dan memerlukan tindakan susulan. Di samping itu, untuk makluman Yang Berhormat, urusan permit kerja pekerja asing boleh dibuat di semua pejabat Imigresen negeri dan tidak dipusatkan di Kuala Lumpur sahaja seperti pada satu ketika.

Beberapa perkara selanjutnya telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail mengenai beberapa akhbar yang mempertikaikan keputusan mahkamah dan menunjukkan sikap yang memihak kepada pesalah. Kerajaan sememangnya memandang serius perkara-perkara yang dinyatakan dan sentiasa mengawasi laporan-laporan, rencana-rencana seperti itu. Tindakan sewajarnya telah dan akan diambil ke atas akhbar-akhbar yang berkenaan. Di antara tindakan yang telah diambil termasuklah memanggil pihak akhbar yang terlibat untuk diberikan nasihat dan amaran sewajarnya. Sekiranya pihak akhbar tersebut masih tidak menghiraukan teguran dan amaran yang telah diberikan, maka tindakan untuk menggantung atau membatalkan permit penerbitan akan tetap diambil. Ini satu amaran saya hendak tegaskan sekali lagi, kita ambil pendirian ini tegas, tidak akan berkompromi.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berbincang dan bekerjasama dengan negara-negara ASEAN bagi menghalang pendatang asing dan penjenayah memasuki negara ini melalui negara jiran ASEAN. Di samping itu juga, kerajaan telah menetapkan syarat bahawa mana-mana rakyat asing termasuk pekerja asing yang mempunyai rekod jenayah tidak dibenarkan masuk dan bekerja di negara ini.

Bagi membanteras mereka yang memasuki ke negara ini tanpa dokumen sah, operasi-operasi penguatkuasaan sentiasa diadakan ke atas pendatang asing oleh Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan pihak berkuasa tempatan. Mereka yang didapati tanpa dokumen yang sah akan ditahan dan dihantar pulang ke negara asal atau didakwa di mahkamah. Sepertimana yang selalu dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini bagi mengatasi masalah keselamatan sosial, kesihatan dan sebagainya, kerajaan telah menetapkan syarat-syarat tertentu bagi pekerja asing yang ingin bekerja di negara ini seperti bebas dari penyakit berjangkit, tidak mempunyai rekod jenayah, tidak membenarkan pekerja asing berkahwin dengan rakyat tempatan dan memastikan majikan menyediakan tempat tinggal kepada pekerja asing.....

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Menurut Yang Berhormat Dato' bahawa tangkapan kepada orang-orang yang tidak mempunyai dokumen sah, terus terang saya katakan bahawa di Sabah, sebagaimana Yang Berhormat sendiri tahu bahawa terlalu ramai pendatang yang tidak mempunyai dokumen sah, itu satu hal. Yang kedua, apabila mereka balik ke negara asal mereka kadang-kadang tanpa apa-apa dokumen mereka boleh balik dengan sewenang-wenangnya. Maksudnya, tidak ada apa-apa undang-undang yang dikenakan kepada mereka.

Saya juga ingin bertanya, perbelanjaan untuk mengembalikan pendatang-pendatang tanpa izin, pendatang haram ini ke negara asal mereka siapa yang menanggungnya? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sabah ianya merupakan satu masalah yang berlainan sedikit daripada tempat-tempat yang lain di mana Sabah memang telah pun diduduki oleh ramai pendatang tanpa izin sejak lama dahulu. Baru-baru ini Jabatan Perdana Menteri di bawah Majlis Keselamatan Negara telah memutuskan supaya adakan satu operasi regularisasi untuk memutihkannya semua pendatang tanpa izin di Sabah di bawah kawal seliaan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan di bawah JPM dan exercise itu masih dijalankan. Apabila tarikh tamatnya telah sampai, selepas itu kita akan ambil tindakan tegas terhadap semua majikan dan mereka yang melindungi pendatang tanpa izin. Buat masa kini memang kita masih nampak ramai yang tidak ada dokumen dan ramai daripada mereka sedang bertungkus-lumus untuk mendapatkan dokumen yang sah daripada wakil-wakil kedutaan masing-masing.

Dari segi perbelanjaan menghantar balik mereka ini, memang Kerajaan Malaysia sentiasa berbincang dengan pihak Indonesia dan Filipina kerana ini merupakan dua negara jiran yang mempunyai paling ramai sekali pendatang tanpa izin di Sabah. Dari segi Indonesia, kita sudah dapat persefahaman yang baik di mana mereka sanggup menghantar kapal tentera laut datang dan kita hantar balik dengan kapal tentera laut dan kita kongsi perbelanjaan antara dua negara. Bagi negara lain, kita belum dapat persetujuan dan kita akan terus usahakan. Tetapi ini satu perkara

yang akan dibuat kemudian, yang penting sekarang ialah pendaftaran atau pemutihan di Sabah. Itu pun satu exercise yang besar yang melibatkan Jabatan Perdana Menteri dan juga Kerajaan Negeri Sabah. Saya rasa kita kena sabar sedikit sehingga operasi regularisasi itu tamat, baru kita boleh tahu betapa seriusnya masalah yang masih belum kita selesaikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Habshah binti Haji Osman juga menggesa kerajaan menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada orang-orang yang terlibat dengan pengedaran dadah dan pil khayal. Suka saya maklumkan iaitu undang-undang yang ada sekarang, iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah mencukupi untuk menangani masalah pengedaran dan pil khayal ataupun psychotropic pill.

Mengenai saranan Yang Berhormat supaya pengusaha kelab malam dan pusat hiburan juga dikenakan hukuman berat, kementerian ini boleh bertindak mengikut kesalahan yang mereka lakukan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 atau akta lain yang dikuatkuasakan oleh kementerian.....

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Dato' Ong Ka Ting: Ya. Walau bagaimanapun, lesen premis mereka masih di bawah pihak berkuasa negeri.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan, pil-pil khayal ini sebenarnya datangnya daripada mana? Dan saya tidak pasti sebab saya sendiri pun pernah meminta supaya kes ubat batuk ini juga dikenakan tindakan yang wajar sebab di Sabah, seperti yang saya pernah katakan, ianya menjadi gejala yang semakin membimbangkan di mana penglibatan para pelajar, beberapa kakitangan kerajaan yang turut mengamalkan menggunakan ubat batuk ini.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pil-pil khayal ini memang datang daripada luar, terutamanya daripada negara-negara Barat. Sebenarnya banyak pil yang kita dapat rampas adalah dalam masa mereka transit ke negara lain melalui Kuala Lumpur. Bagi Sabah, pil-pil khayal itu sebahagiannya datang daripada negara jiran. Walaupun kita tidak hendak hebohkan tetapi kita tahu sebahagian daripada pil khayal itu datangnya daripada Filipina kerana Filipina merupakan satu negara terdedah kepada pengaruh Barat juga.

Dua cara kita kena adakan termasuk kawalan ubat-ubat batuk, penyalahgunaan apa-apa sahaja yang boleh menjejaskan kesihatan ataupun moral orang muda ialah penguatkuasaan dan pencegahan. Penguatkuasaan memang polis di Sabah telah diarah untuk bertindak dengan tegas dan saya rasa dalam bulan-bulan yang lepas ini kita boleh nampak dalam pengumuman, dapat kita rampas banyak ubat batuk dalam kuantiti ratusan gelen. Ini tentu ada sindiket cuba usaha untuk mengedarkan ubat batuk ini. Jadi, penguatkuasaan kita terus akan rampas, dakwa dan sebagainya, di samping itu kita hendak mempertingkatkan kesedaran masyarakat. Itu sebabnya kempen-kempen dan beberapa bulan lalu, Parti Barisan Nasional Sabah sudah ada mesyuarat, saya sendiri hadir mesyuarat itu untuk memberikan sedikit penjelasan. Saya rasa di Sabah di bawah perintah Barisan Nasional sekarang ini masalah sosial, masalah dadah ini jauh lebih diberi perhatian daripada dahulu. Kalau dahulu bukan Barisan Nasional pemerintah, saya nampak mereka selalunya tolak 'put the blame on the Federal Government'. Itu satu gejala tidak sihat yang saya nampak. Jadi, sekarang ini kita sama-sama usaha, tidak lagi kata, oh, itu Federal, itu Sabah. Ini satu perkara saya hendak jelaskan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Mengenai undang-undang, adakah negara kita mempunyai undang-undang untuk

mengambil tindakan kepada mereka yang telah pun addicted kepada penggunaan ubat batuk dan juga pil-pil ecstasy ini kerana setahu saya mereka yang telah pun terlibat tidak dapat ditahan kerana kita tidak mempunyai undang-undang yang khusus. Tetapi saya tidak tahu kebelakangan ini adakah kita mempunyai undang-undang yang sama dengan undang-undang dadah berbahaya yang mana mereka yang telah terlibat boleh diambil tindakan dengan menahan dan sebagainya?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini undang-undang dadah berbahaya boleh kita guna untuk mengawal pengedaran dan penggunaan ecstasy ataupun pil khayal. Tetapi bagi ubat batuk memang kita hanya boleh gunakan akta di bawah jagaan atau penguatkuasaan Kementerian Kesihatan. Lazimnya mereka yang ketagih ataupun sudah addicted dengan ubat batuk ini, mereka bukan hanya stick to ubat batuk, dia akan terus pergi kepada dadah yang lain dan dia berhubung rapat. Jadi, mereka ini tidak akan berhenti dengan ubat batuk, tetapi ubat batuk inilah satu gejala awalan yang bahaya. We have to nip in the bud before, dengan izin, mereka jadi lebih serius. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa masih mencari jalan macam mana mengadakan satu strategi yang lebih menyeluruh untuk mengawal masalah ini semua sekaligus, kita tidak asing ia hanya masalah dadah sebab sekarang masalah sosial itu semuanya berkaitan antara satu sama lain dan kita memang semua pihak termasuk polis dan kerajaan negeri sedang mencari jalan untuk pencegahan, merupakan satu strategi yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya penagih berulang dimasukkan ke penjara, undang-undang yang sedia ada tidak memperuntukkannya kecualilah jika mereka telah melakukan kesalahan jenayah lain. Sungguhpun demikian, kerajaan sedang mengkaji menempatkan penagih-penagih tegar ataupun 'hardcore' dengan izin, dan penagih yang berulang kali kita tangkap, dia tidak mahu lagi cuba hendak dipulihkan. Kita hendak tubuhkan pusat serenti khas, di tempat-tempat yang lebih jauh daripada bandar dan kita pastikan mereka ini diputuskan daripada bekalannya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kegiatan penyalahgunaan ubat batuk yang baru saya sentuh, dadah, pil khayal dan penyeludupan dadah di Sabah seperti yang dibangkitkan juga oleh

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin, adalah ditegaskan juga bahawa kerajaan telah pun bertindak dan akan terus mengawasi kegiatan yang tidak diinginkan ini. Kerajaan juga sentiasa meningkatkan operasi mengawal dan membanteras apa jua bentuk kegiatan penyeludupan di negara ini.

Yang Berhormat Senator Charern Intarchat menyuarakan pandangannya bahawa Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) kurang berkesan dalam tindakan mereka membanteras penyeludupan di kawasan sempadan, berhubung dengan perkara ini saya sukalah hendak menjelaskan pada Dewan yang mulia ini iaitu sejak penubuhan UPP pada tahun 1966 kegiatan penyeludupan barang konsumer, senjata api dan dadah yang berleluasa ketika itu dapat dibanteras dan kegiatan penyeludupan kini dapat dikawal di tahap yang minimum. Secara bandingan memang keadaan telah pun jauh lebih baik daripada dahulu. Walau bagaimanapun, kadangkala kadang ada kelemahan, kita sedia untuk memperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun cuba menjawab semua perkara utama yang telah dibangkit, dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak sempat saya jawab, saya memberi jaminan ianya akan diberi perhatian dan telah pun dicatat oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Puan Kamalia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada soalan.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Boleh? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi beberapa penjelasan. Tetapi saya masih lagi merasa agak kurang puas hati. Ada tiga perkara, yang pertama ialah penjelasan mengenai penyakit yang dibawa oleh pekerja asing yang datang, di mana telah dikatakan bahawa segala usaha telah dibuat untuk memastikan mereka itu sebenarnya bebas daripada sebarang penyakit. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian adakah kajian telah dibuat di mana telah dapat dibuktikan bahawa pemeriksaan kesihatan itu benar-benar dapat menghalang penyakit berjangkit itu dibawa masuk. Juga saya ingin tahu sama ada kerana kesihatan adalah sangat penting kepada negara dan warganegaranya, adakah pihak kementerian bercadang untuk

menghadkan atau mengkategorikan jenis kerja-kerja yang boleh diambil pekerja asing, terutamanya bagi restoran-restoran dan kedai-kedai makan, yang mana kita sangat kurang pekerja yang kita terpaksa mengambil pekerja asing. Kalau kita lihat sekarang ini, hinggakan tempat-tempat restoran fast food, dengan izin, kita dapati ramai pekerja-pekerja asing. Saya agak hairan, adakah sebenarnya kita tidak mempunyai orang-orang kita untuk bekerja di restoran-restoran yang begitu.

Yang keduanya ialah mengenai perkhidmatan polis yang dikatakan berslogan 'cepat dan betul'. Kalau dikatakan pihak polis kekurangan anggota polis dan kenderaan, saya rasa kalau pihak polis telah diberitahu tentang sesuatu kejadian dan mengambil masa selama tiga jam untuk datang, adakah itu dianggap sebagai satu yang munasabah. Jikalau kita tidak mempunyai anggota dan kenderaan yang mencukupi, bagaimana persediaan pihak kementerian terutamanya dengan ramainya pekerja-pekerja asing yang kita tahu juga membawa pelbagai masalah jenayah.

Yang ketiga ialah mengenai dadah. Kita mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana banyak usaha yang telah dijalankan, sepertimana yang dikatakan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk mencegah penggunaan dadah dan cuba untuk mengatasi, tetapi kalau saya baca dalam surat khabar hari ini ataupun semalam Dato' Lee Lam Thye telah mengatakan pertambahan sebanyak 13,000 lagi penagih dadah, adakah pihak kementerian menjalankan apa-apa kajian selain daripada tindakan undang-undang dan juga tindakan-tindakan serenti ataupun tindakan yang baru disebutkan oleh pihak kementerian untuk membawa mereka yang menagih semula ke tempat yang jauh supaya mereka dapat dipulih balik daripada penagihan dadah. Kerana saya juga ada terbaca dalam *Time* magazine yang terbaru, ada terdapat penyelidikan tentang sebab-sebab penagihan dadah yang juga berkaitan dengan penagihan yang lain. Kalau saya tidak silap pihak kementerian hendak mengguna sejenis nama drug yang akan digunakan, tetapi saya tidak ingat namanya yang akan menelan belanja begitu banyak. Adakah itu agaknya satu cara yang terbaik yang kerajaan anggap untuk dijadikan salah satu daripada usaha untuk memerangi penagihan dadah ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah tamat jawab dan sudah duduk. Jadi, memandangkan Tuan Yang di-Pertua izinkan buka semula, nampaknya ini satu ucapan yang baru. *[Ketawa]* Saya tidak tahu dari segi peraturan saya patutkah jawab. Kalau jawab, maka panjang lagi. Walau bagaimanapun, saya rasa ringkaslah.

Sebenarnya semua perkara yang dibangkitkan itu saya telah kata memang dalam semua sistem penguatkuasaan, ia ada kelemahannya, tidak sempurna seratus peratus. Saya pun mengakui kadangkala Perkhidmatan Polis pun ada kelemahan, sehingga kementerian dan juga pucuk pimpinan polis sentiasa mengingatkan-ingatkan anggota polis jangan sambil lewa, jangan ambil ringan. Kadang-kadang laporan polis dibuat kena bertindak dengan cepat. Itulah sebabnya Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor sengaja gunakan satu slogan untuk menaikkan moralnya, iaitu 'cepat dan betul'. Ini bermakna dahulu mungkin tidak cukup cepat, sekarang kita hendak cepat. Inilah satu perkara usaha kita sedang buat kalau kita ada contoh-contoh spesifik boleh kita siasat. Saya yakin Ketua Polis Negara memang tidak boleh kompromi tentang kecekapan ini.

Memang kerajaan sudah tetapkan hanya beberapa sektor yang boleh ambil pekerja asing, tetapi ini satu masalah dalam beberapa tahun ini. Sejak tahun 1992 sampai hari ini lima tahun berturut-turut kita berulang kali seru kepada majikan jangan ambil pekerja tanpa izin. Sektor ini tidak boleh, sektor itu tidak boleh, restoran tidak boleh, gerai mamak pun tidak boleh, tetapi ambil juga. Beberapa tahun ini mereka ambil juga. Bila kita hendak bertindak, bermacam-macam seruan, semua parti politik termasuk parti Barisan Nasional pembangkang, semua seru kepada Kementerian Dalam Negeri jangan tangkap, jangan hukum, semua ini kita punya rakyat. Jadi, mana pula kita hendak ikut. Inilah satu masalah, jadi pemutihan itu telah dibolehkan oleh Kabinet selepas timbang dengan semasak-masaknya ini keperluan permintaan pasaran. Jadi, sampai hari ini kita sudah ubahkan Akta Imigresen baru dan baru digezet dalam bulan Februari dilulus oleh Dewan ini. Kita hendak kuatkuasa pun saya rasa kalau benar-benar kuatkuasa ramai majikan akan masuk penjara, termasuk penyokong Barisan Nasional, semua masuk. Kalau

hendak masuk, kita tegas, tangkap, kalau operasi ketuk pintu itu, bukan sahaja rumah, kedai pun kita ketuk ataupun semua tempat kilang kita pergi, hari ini kita buat sahaja, esok kita tengok kesan. Maknanya, sikap yang paling 'the roots of the problem' dengan izin, ialah sikap majikan kita, dia ambil juga. Kerajaan kata tidak boleh, dia ambil juga. So, this is the problem, selagi majikan itu tidak ubah juga, kalau pun kadangkala dia kata 'oh, saya punya business sudah kembang, kalau tidak saya punya business tidak boleh bergerak.' Kalau semua ingatkan negara itu lebih penting daripada kepentingan diri, kalau kita digestkan semua masalah pekerja asing tanpa izin ini dahulu, sampai business kena pengaruh, untung kurang sedikit pun tidak mengapa, kalau sikap itu boleh establish, saya rasa negara kita boleh 'we can solve this problem', dengan izin. Otherwise, saya nampak Akta Imigresen lulus pun masih bila polis pergi round, masih ramai terdapat pekerja tanpa izin.

Itulah sebabnya adanya masalah penyakit berjangkit. Penyakit berjangkit ini ialah orang yang masuk tidak teratur. Kalau orang yang masuk disahkan dahulu baru masuk, tidak akan ada penyakit berjangkit, kerana kita tengok medical reportnya yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang dilaporkan oleh klinik di luar negara, negara sumber, masuk dan test sekali lagi. Kalau mereka dapat permit dahulu baru datang, tidak ada masalah penyakit. Tetapi penyakit ini orang sudah masuk, sama ada tidak teratur, curi masuk, masuk sosial visitkah, inilah jadi masalah.

Jadi, ringkas-ringkas pun panjang juga. *[Ketawa]* Itulah saya dapat jelaskan, tetapi saya memang alu-alukan keprihatinan Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim. Sebenarnya ini satu masalah serius, kalau semua Ahli Yang Berhormat fokus masalah ini, saya lagi nampak senang hati sedikit, sebab semua orang hendak pikul perkara ini sama-sama Kementerian Dalam Negeri. Kalau tidak, sekarang ini nampaknya Kementerian Dalam Negeri sahaja pikul. Di mana sahaja orang desak kita, longgar sini, longgar sana, bila sudah rompak, bila sudah ada penyakit berjangkit, Kementerian Dalam Negeri pula didesak kata mengapa polis tidak cukup, ramai polis lambat, semua masalah dua belah itu masalah negara.

Jadi, saya haraplah ini satu tugas atau satu beban, kita sama-sama usahakan, mudah-mudahan boleh dikawal. Kalau boleh sampai tahun depan jangan ada masalah macam ini dibangkitkan lagi. *[Ketawa]* Harap-haraplah sama-sama.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat, khususnya di atas jawapan yang begitu baik. Sekarang saya menjemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Berkenaan dengan isu perumahan, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim membangkitkan mengenai kemudahan riadah dan juga sukan di kawasan perumahan, sukacita dimaklumkan bahawa di setiap skim perumahan kos rendah, kerajaan telah menyediakan kemudahan sosial dan kemasyarakatan sesuai dengan keperluan penduduk. Sekurang-kurangnya 10% kawasan projek adalah dikhaskan sebagai kawasan lapang. Kawasan ini bolehlah digunakan sebagai kawasan untuk kemudahan sosial dan kemasyarakatan.

Mengenai permintaan Yang Berhormat Tuan Ting Chek Sii supaya menambah bilangan rumah kos rendah bagi menampung keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah mencadangkan sebanyak 200,000 unit rumah kos rendah dibina. Bagi memastikan golongan yang layak sahaja menikmatinya, kerajaan telah memperkenalkan sistem pendaftaran terbuka.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah membangkitkan mengenai kebersihan di taman-taman perumahan, terutamanya di rumah pangsa kos rendah, kerana terdapat penyidaian baju yang tidak teratur. Kerajaan memang prihatin mengenai perkara ini. Pelbagai langkah telah diambil untuk merancang supaya keadaan tersebut dapat di atas. Di antaranya ialah kerajaan telah menganjurkan pertandingan mereka bentuk bangunan kediaman yang mengambil kira aspek-aspek yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang tersebut. Mengenai rumah kos sederhana rendah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah mengadakan program tersebut yang berharga

dalam lingkungan RM60,000 seunit. Dalam tempoh tersebut kerajaan mencadangkan sebanyak 350,000 unit rumah kos sederhana rendah dibina.

Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan mengenai isu kerajaan tempatan oleh Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam mengenai kejadian banjir di kawasan-kawasan perumahan, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta dalam tahun 1994 dan RM100 juta dalam tahun 1996 kepada pihak berkuasa tempatan di seluruh Malaysia untuk menjalankan aktiviti pembersihan dan penyelenggaraan parit dan longkang. Usaha tersebut telah dapat membantu mengurangkan masalah banjir kilat di kebanyakan bandar.

Walau bagaimanapun, kejadian banjir atau banjir kilat berlaku di beberapa bandar terutamanya selepas hujan lebat seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seremban, Johor Bahru dan Muar. Kerja-kerja yang berterusan sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Bagi mengatasi masalah ini secara sistematik di mana Jabatan Pengairan dan Saliran telah membuat pelan kajian induk saliran bagi 22 buah bandar di Malaysia. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran sedang melaksanakan projek rancangan tebatan banjir bagi beberapa bandar tersebut. Dari sudut perancangan, kementerian telah mengambil langkah-langkah pencegahan dengan meminta semua pihak berkuasa dengan izin, approving authority, supaya memberi perhatian serius semasa menimbang sesuatu permohonan kelulusan pelan susunatur perumahan atau bandar baru.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail juga tentang isu kelab-kelab malam dan pusat-pusat hiburan, pihak kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam mengawal operasi mereka. Kelab-kelab malam dan pusat-pusat hiburan hanya akan dibenarkan di kawasan-kawasan tertentu yang tidak akan mewujudkan kacau ganggu kepada penduduk berkenaan. Di samping itu, had masa operasi telah ditetapkan. Pihak berkuasa tempatan sentiasa menjalankan penguatkuasaan bagi memastikan kelab-kelab malam dan pusat-pusat hiburan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Mengenai soalan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong mengenai, dengan izin, tower communication, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

telah mengeluarkan garis panduan untuk diterimapakai oleh pihak berkuasa tempatan dalam meluluskan permohonan dari syarikat-syarikat telekomunikasi untuk membina menara telekomunikasi.

Persoalan tentang aktiviti merata bukit dan menarah hutan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail dan Yang Berhormat Dato' Chet Singh, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis panduan mengenai pembangunan yang dijalankan di kawasan-kawasan bukit. Pihak berkuasa tempatan sedang mengawasi pelaksanaan garis panduan yang tersebut.

Mengenai persoalan Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat tentang masalah kawasan lapang yang dibina pelbagai pembangunan, lazimnya sesuatu kawasan yang telah ditetapkan sebagai kawasan lapang, semasa kebenaran merancang diberi bagi sesuatu kawasan perumahan tidak boleh selepas itu dibenarkan untuk digunakan bagi tujuan lain. Kegunaan bagi tujuan lain hanya dibenarkan jika kegunaan itu amat mendesak dan atas kepentingan awam seperti membina jalan raya. Dalam hal di mana padang atau tempat lapang telah diambil maka pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab akan memastikan kemudahan ini digantikan di suatu tempat yang berdekatan.

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan telah menyentuh mengenai isu caj perkhidmatan pemetungan oleh IWK. Sukacita dimaklumkan bahawa caj baru perkhidmatan pemetungan yang akan dikenakan oleh IWK kepada para pengguna telah pun dikaji dengan teliti dan mendalam oleh kerajaan dengan mengambil kira semua faktor berkaitan dan rungutan orang ramai sebelum ia dibawa ke Jemaah Menteri untuk keputusan. Caj baru ini pada asasnya masih menggunakan konsep kemampuan membayar oleh semua golongan kumpulan pendapatan di samping memastikan bahawa wujud elemen subsidi silang antara premis komersial dalam caj domestik.

Yang Berhormat Senator Tuan Abdillah bin Abdul Rahim juga telah membangkitkan isu berkaitan dengan pembinaan Balai Bomba di Bandaraya Kuching Utara. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh, jabatan ini telah diperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi membina sebuah balai bomba baru di Petrajaya. Kita berharap dengan terbinanya balai ini nanti, keperluan perkhidmatan kebombaanan di Bandaraya Kuching Utara akan dapat dipertingkatkan lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Jabatan Perdana Menteri menjawab.

5.19 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya memaklumkan bahawa jawapan penggulungan Jabatan Perdana Menteri adalah panjang sedikit disebabkan banyak jabatan yang besar di bawahnya. Jadi, saya minta izin Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bersabar.

Saya terlebih dahulu mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah DiRaja yang juga memberi pandangan, teguran dan syor-syor terhadap tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Rahim bin Baba, Senator Puan Kamilia binti Ibrahim, Senator Datuk Ibrahim bin Haji Ali, Senator Tuan Haji Hassan bin Ali dan Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail telah menyentuh beberapa perkara mengenai Badan Pencegah Rasuah.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim ingin tahu mengenai status cadangan pindaan Akta Pencegah Rasuah 1961. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan Akta Pencegah Rasuah 1961 masih lagi dalam peringkat penyediaan di Jabatan Peguam Negara.

Mengenai saranan Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba supaya pindaan Akta Pencegah Rasuah 1961 diperuntukkan satu Fasal di mana harta milik penerima dan pemberi rasuah boleh dirampas. Suka saya memaklumkan bahawa pindaan kepada akta tersebut akan

mengambil kira pandangan Yang Berhormat dan di samping itu hukuman yang lebih berat ke atas pesalah-pesalah rasuah juga akan dicadangkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah menyarankan supaya BPR dikemaskinikan dan disesuaikan dengan keperluan khususnya dalam usaha memerangi rasuah secara habis-habisan. Suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan keberkesanan BPR dalam memerangi rasuah secara habis-habisan.

Antara langkah awal yang diambil adalah mengkaji keperluan keanggotaan, menambah peruntukan kewangan dan memperkukuhkan perundangan yang berkaitan dengan rasuah.

Puan Kamilia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan!

Dato' Azmi bin Khalid: Ya!

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri tentang pindaan akta rasuah yang dikatakan tadi masih lagi dalam peringkat kajian. Adakah pihak Jabatan Perdana Menteri merasakan bahawa pindaan ini tidak penting kerana kalau tidak silap saya pindaan ini telah dikemukakan hampir setahun dan jikalau kita melihat kepada bagaimana ramainya sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini telah menyatakan rasa runsing dan resah mengenai kegiatan-kegiatan rasuah, saya merasakan bahawa kajian tersebut perlulah dipersingkatkan.

Dan saya juga menjangka bahawa pindaan itu sepatutnya dapat membantu pihak BPR untuk dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan dan efektif kerana kita tahu banyak kes yang dibawa ke mahkamah, pihak BPR tidak dapat membuktikan tentang rasuah ini. Antara lain mungkin sebab tidak cukup evidence, dengan izin, ataupun mungkin sebab pegawai pendakwa sendiri tidak dapat mengutip bukti-bukti yang nyata dan juga kerana peraturan-peraturan yang ada itu.

Jadi, saya ingin menggesa pihak Jabatan Perdana Menteri untuk memberi perhatian yang serius tentang pindaan ini dan mendapat kerjasama yang lebih daripada pihak Peguam Negara.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat dengan cadangan Yang Berhormat tadi, sememangnya pindaan ini telah pun lama dicadangkan kepada pihak Peguam Negara tetapi sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam jawapannya pada awal sidang sesi Senate ini bahawa ada peruntukan yang dicadangkan itu perlu dikaji dengan sedalam-dalamnya oleh kerana kadang-kadang ada kemungkinan akan menimbulkan unsur-unsur ketidakadilan.

Jadi, pihak Peguam Negara sedang meneliti dengan sedalam-dalamnya dan kemungkinan pihak mereka akan mengemukakan pindaan ini dengan seberapa cepat yang boleh.

Puan Kamalia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya!

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah lagi kerana pihak Jabatan Perdana Menteri menyatakan ingin mengkaji sedalam-dalamnya. Saya tak tahulah sedalam mana. Tetapi dalam kita mendraf undang-undang, kita bukan hanya melihat kepada apa yang diperkatakan atau yang diperuntukkan dalam undang-undang itu, tetapi juga kita perlu melihat kepada, dengan izin, the spirit of the law, maksudnya ialah bagaimanakah undang-undang itu dapat membantu kita untuk mencapai matlamat undang-undang itu digubal. Bukannya hanya kita melihat daripada apakah dari segi teknikalnya, apakah dari segi cara kita melaksanakannya kerana kalau kita tidak dapat mencapai matlamat kita, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada faedahnya kita mengadakan undang-undang.

Dan juga tidak ada apa faedahnya kalau kita mengatakan kita tidak mahukan rasuah berleluasa dalam negara ini, tetapi kita tidak mengambil tindakan untuk dapat kita meneruskan tindakan-tindakan dengan lebih efektif. Jadi, lagi sekali saya menggesalah pihak Jabatan Peguam Negara, jika ianya merupakan pihak yang berkenaan untuk meningkatkan kajian, tak payahlah

dalam-dalam sampai, into the abyss, so to speak, dengan izin, tetapi memadailah kalau dapat kita mencapai apakah dia semangat undang-undang itu kita wujudkan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan cadangan dan saranan Ahli Yang Berhormat tadi. Cuma dalam bidang rasuah sepertimana bidang-bidang jenayah yang lain, perlu bukti-bukti yang cukup untuk mahkamah mengambil satu sikap atau mendakwa ataupun mendapati seseorang itu bersalah.

Jadi, dalam akta rasuah yang lama, yang sedang dipertimbangkan untuk diperbaharui adalah kebanyakan daripada kesalahan yang dikatakan bersalah itu, pembuktiannya memerlukan penglihatan secara jelas tentang siapa yang menerima dan siapa yang memberi rasuah. Dalam keadaan

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya hendak minta laluan sedikit.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Daripada jawapan Yang Berhormat tadi, tidak menyebutkan 'time frame', berapa lama masa yang akan diambil supaya undang-undang ini dapat dibentangkan. Kita memang telah mendengar beberapa kali jawapan bahawa undang-undang ini akan dibentangkan, sedang dikaji dan akan dibentangkan. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih khusus, lebih terperinci daripada pihak Jabatan Perdana Menteri bilakah agaknya undang-undang ini dapat disempurnakan dan dapat dibentangkan dalam Parlimen yang mulia ini.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak minta saya memberi satu tarikh yang tepat, saya minta maaf, saya tidak dapat memberinya. Tetapi pada spirit, pada semangatnya, semua pihak di pihak atasan telah pun bersetuju agar undang-undang ini dilihat semula agar pindaan-pindaan tertentu dibuat supaya membolehkan kita membanteras gejala

rasuah yang dibuat secara moden dengan teknologi yang moden bermacam cara memberi rasuah telah diwujudkan dan dengan perundangan yang lama kemungkinan cara kita mengesan dan membanteras rasuah agak longgar.

Jadi, saya bersetuju sangat agar pihak Jabatan Peguam Negara memberi perhatian yang lebih serius, sememangnya mereka serius tetapi meminta mereka mengemukakan cadangan ini dengan seberapa cepat yang boleh. Saya minta maaf 'time frame'nya saya tidak dapat memberi. Boleh saya teruskan?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Dato' Azmi bin Khalid: Ada lagi? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat. Jadi, saya ada sedikit tidak puas hati, tertanya-tanya, oleh itu saya terpaksa berdiri juga. Yang saya hendak tanya senang sahaja!

Apabila kita hendak membuat satu kajian undang-undang, kita akan mengkaji dengan mendalam, kita akan mengkaji, kita sedang mengkaji. Saya hendak tahu bagaimana kajian undang-undang ini dibuat dan adakah mereka ini membuat satu komiti, satu jawatankuasa kecil yang terdiri daripada ahli-ahli daripada Kaunsel Peguam ataupun Bar Council supaya undang-undang ini dikaji betul-betul mendalam dari segi semua aspek.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak undang-undang itu dibuat, dilulus oleh Dewan Negara ini akhirnya dan kemudian undang-undang itu tidak boleh dilaksanakan, tidak boleh kita pakai sepertimana saya perkatikan undang-undang menggunakan telefon bimbit dalam kereta ini. Ini satu undang-undang yang kita laksanakan tetapi tidak dapat kita melaksanakannya kerana banyak yang menggunakan lagi. Jadi, macam, dengan izin, 'mockery of the law', kata orang putihlah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, macam mana membuat kajian ini? Adakah AG sendiri sahaja ataupun adakah peguam-peguam di AG dua, tiga orang sahaja mengkajinya, tengok undang-

undang yang kita hendak bawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara, ha, ini dia. Macam mana rasanya? “Oh, ini boleh, ini boleh!” Adakah begitu sahaja dibuat ataupun ada satu peraturan?

Jadi, kalau Yang Berhormat boleh memberikan penjelasan, kami tahu macam mana undang-undang itu sampai ke sini, saat sampai ke sini kami tidak boleh apa-apa sangat dah. Kalau kita hendak ubah, kemungkinan ada kuasa barangkali undang-undang itu dibawa balik ke Dewan Rakyat, tetapi adakah sampai ke saat itu yang kami hendak kajikan?

Jadi, kalau kaji awal-awal biar kaji betul-betul. Kalau sampai lima tahun pun tidak mengapa, tetapi biar kaji betul-betul. Kalau kata hendak kaji - kaji - kaji sahaja, setahun pun sudah panjang sangat masanya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saranan untuk 5 tahun, saya sendiri tidak setuju kerana gejala rasuah ini memang sudah meningkat ke satu tahap yang membimbangkan.

Dari segi cara mengkaji sejauh mana dan keadah-kaedah yang digunakan, pihak kerajaan membenarkan kebijaksanaan Jabatan Peguam Negara untuk menentukannya. Begitu juga mengenai perundangan-perundangan lain yang digunakan kaedah di mana kebijaksanaan yang ada di dalam jabatan digunakan. Antara lain yang saya tahu ialah pihak berkenaan mengkaji cara bandingan dengan undang-undang negara-negara jiran, negara-negara serantau yang berjaya dalam menangani masalah rasuah. Cuma saya tidak tahu saluran-saluran berapa komitinya, berapa badan yang dipergunakan - saya minta maaf, Yang Berhormat, di sini saya tidak dapat menjawab.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Bolehkah Yang Berhormat memberi jawapan kemudian secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, kalau diizinkan masa saya akan memberi gambaran yang lebih jelas kepada Yang Berhormat.

Antara langkah awal yang diambil adalah mengkaji keperluan keanggotaan, menambah peruntukan kewangan dan memperkukuhkan perundangan yang berkaitan dengan rasuah. Selain itu kerajaan juga telah menerima kertas dasar visi dan misi yang telah dikemukakan oleh BPR

yang antara lain mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Etika Kualiti dan Produktiviti di jabatan-jabatan kerajaan khusus untuk menggalak usaha dalaman dalam membanteras rasuah.

Mengenai kegiatan rasuah di PUSPAKOM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail, untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1996 BPR telah membuat tangkapan terhadap 4 orang pegawai PUSPAKOM yang terlibat dengan kesalahan menerima rasuah. Terdapat 25 maklumat sepanjang tahun 1996 dan sehingga bulan Mei, 1997 hanya 4 maklumat diterima. Kes terakhir pula melibatkan seorang pemeriksa kenderaan PUSPAKOM Seremban yang telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Seremban, Negeri Sembilan pada 16hb. April, 1997 atas kesalahan menerima wang rasuah daripada seorang yang menguruskan urusan pemeriksaan sebagai dorongan untuk memberikan kemudahan dalam pemeriksaan 10 buah kenderaan yang diuruskan oleh orang tersebut. Tangkapan dibuat hasil daripada kerjasama orang ramai yang memberi maklumat kepada BPR. BPR juga telah mendapat kerjasama pihak pengurusan PUSPAKOM dalam usaha membantu mempercepatkan tindakan BPR menangani gejala rasuah di PUSPAKOM.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hassan bin Ali menggesa supaya para pemimpin dan pegawai kerajaan yang mengamalkan rasuah disingkirkan. Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilakukan dalam membanteras gejala rasuah. Tindakan menyingkirkan pemimpin-pemimpin yang rasuah hanya dibuat selepas sesuatu pertuduhan itu didapati berasas dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail supaya kerajaan mengatasi masalah kemiskinan dengan cara memberikan projek dan seterusnya mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan khas bagi mengendalikan perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha membasmi kemiskinan di kalangan golongan termiskin, sememangnya telah menjadi dasar kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Dalam

hal ini kerajaan telah mengutamakan projek-projek yang dapat menambah pendapatan di samping menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas serta melaksanakan program pembangunan insan yang dapat menerap nilai positif di kalangan golongan termiskin. Dalam keadaan tertentu bantuan kewangan hanya diberi kepada mereka yang cacat atau golongan tua yang tidak mampu lagi menyertai projek secara fizikal.

Kerajaan berpendapat cadangan untuk menubuhkan satu badan khas bagi menyelaras pelaksanaan pelbagai projek pembasmian kemiskinan adalah tidak berbangkit. Ini adalah kerana fungsi penyelarasan telah pun dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan setakat ini usaha penyelarasan dan pengawasan khususnya yang berkaitan dengan program pembangunan rakyat termiskin didapati berjalan dengan baik.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba menyarankan supaya program pembasmian kemiskinan diteruskan. Dalam perkara ini, izinkan saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa adalah menjadi hasrat dan matlamat kerajaan untuk meneruskan usaha pembasmian kemiskinan. Sebagai mencerminkan kesungguhan kerajaan, teras pembasmian kemiskinan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh akan memberi tumpuan ke arah membasmi sepenuhnya kadar kemiskinan di kalangan golongan termiskin menjelang tahun 2000.

Kejayaan membasmi kemiskinan sudah pasti akan dapat menyumbang ke arah mewujudkan satu masyarakat yang saksama dan adil dari segi perkongsian ekonomi dan kekayaan negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail juga telah menyentuh mengenai tanggungjawab sosial agensi-agensi kerajaan yang telah diswastakan. Sehubungan dengan itu beliau telah menggesa kerajaan supaya kenaikan bayaran perkhidmatan seperti tarif elektrik dan kadar tol jangan membebankan rakyat. Seterusnya beliau juga mencadangkan supaya diwujudkan Majlis Perunding Keadilan Awam bagi meneliti permintaan kenaikan bayaran perkhidmatan oleh pihak-pihak berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya prihatin dengan menentukan kenaikan kadar-kadar bayaran seperti tarif elektrik, tol dan sebagainya.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kenaikan tarif elektrik, baru-baru ini kita telah membuat tinjauan di kawasan luar bandar dan Pengerusi Eksekutifnya sendiri daripada orang Perlis telah pergi ke Perlis dan dia mendapati memang rakyat merungut. Tidakkah kerajaan bercadang untuk mengehendkan kenaikan ini kepada yang menggunakan elektrik kepada 200 unit dikecualikan daripada kenaikan, yang lebih itu baru dikira kenaikan, ini akan memberi suatu kemudahan dan mengurangkan beban orang-orang luar bandar. Majoriti orang di luar bandar dia menggunakan elektrik puratanya dalam 200 unit, yang menggunakan lebih daripada itu baru diambilkira kenaikan, sebab perkara ini sudah dilulus kenaikan itu, jadi kita tidak ada pilihan lain - itu sahaja yang boleh. Kenaikan itu dikuatkuasa lebih daripada 200 unit.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya tidak tahu dari segi lawatan Pengerusi TNB ke Perlis, tetapi kalau sebenarnya beliau telah membuat kajian, saya mengharapkan kajian itu akan dibuat susulan agar satu penentuan boleh dibuat. Jadi, setakat ini di peringkat kerajaan belum lagi sampai permintaan yang berkenaan.

Dari segi peratusan kadar elektrik yang meningkat, kalau Yang Berhormat mengatakan ini menimbulkan bebanan tambahan kepada rakyat, saya akan mengambil maklum di sini agar perkara ini dikajikan agar kadar yang dikenakan tidak membebankan. Boleh saya teruskan?

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Mengangguk kepala]*

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih. Oleh itu kerajaan sentiasa memastikan kadar caj yang akan dikenakan terutamanya bagi projek-projek yang bersifat monopoli semula jadi itu berpatutan kepada semua pihak. Seterusnya bagi memastikan kepentingan kerajaan dan pengguna dapat dilindungi selepas penswastaan, kerajaan telah membentuk badan-badan kawal selia yang bertanggungjawab mengawal selia agensi-agensi yang diswastakan. Badan-badan ini

bertanggungjawab bukan sahaja untuk melindungi pengguna termasuk menentukan supaya kadar tarif adalah berpatutan, tetapi juga menentukan pembangunan industri yang sihat.

Mengenai cadangan untuk menubuhkan Majlis Perundingan Keadilan Awam, adalah didapati tidak wajar majlis itu ditubuhkan memandangkan pada masa kini kerajaan telah pun mempunyai mekanismenya sendiri di dalam menentukan kadar tarif yang berpatutan dan munasabah serta tidak membebankan rakyat. Melalui mekanisme ini juga kerajaan akan memastikan supaya kadar yang ditentukan tidak akan memberi implikasi kepada kenaikan kadar inflasi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan iaitu cadangan untuk menubuhkan satu badan keadilan awam ini bukan semata-mata untuk mengkaji kenaikan tarif elektrik sahaja. Ia melibatkan secara umum bersangkutan dengan tol dan hal-hal lain yang berkait dengan kenaikan harga barang dan perkara-perkara yang dibebankan kepada rakyat, seperti lesen TV dan sebagainya - ini maksudnya. Dalam keadaan sekarang ini, kita lihat walaupun kerajaan mempunyai mekanismenya sendiri, tetapi dalam hal-hal tertentu nampaknya kajian dibuat, selepas itu diluluskan dan rakyat tidak ada tempat hendak mengadu.

Kita tidak mahu rakyat membuat keputusan dalam pilihan raya - ini merbahaya, sebab itulah saya berpendapat lebih elok kita wujudkan satu badan, yang mana kerajaan sendiri boleh lantik anggota-anggota ini duduk di situ, selepas itu kita boleh mendapat maklum balas - itu yang dimaksudkan, bukan khusus untuk kenaikan tarif elektrik sahaja.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan kerajaan mempunyai mekanisme-mekanisme yang tersendiri, sememangnya dianggotai oleh anggota masyarakat dan anggota kerajaan yang pakar dalam bidang-bidang tertentu. Saya takut kalau banyak sangat jawatankuasa ataupun badan perundingan ditubuhkan akan mewujudkan satu keadaan di mana mesyuarat-mesyuarat diadakan untuk membincang di sub-komiti sana, sub-komiti di sini, yang hendak dibincangkan ialah untuk hendak membina seekor 'kuda', tetapi akhirnya dia menjadi seekor 'unta' *[Ketawa]* jadi saya

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Minta laluan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya berbalik kepada masalah hendak pinda undang-undang bersangkutan dengan rasuah tadi. Kerajaan juga menyeru rakyat supaya menghapuskan rasuah, basmi rasuah. Kerajaan juga mengatakan masalah rasuah sudah sampai ke peringkat yang begitu serius, bila timbul sekarang ini kerajaan juga kata perlu mengambil masa untuk membuat kajian secara mendalam.

Bila kita cadangkan suruh tubuh satu majlis, rakyat juga sudah dalam dilema, kerajaan sendiri mengambil masa yang panjang, rasuah berlaku semakin serius. Ini yang saya katakan tadi

kalau pihak kerajaan mengatakan menubuhkan komiti untuk hendak membuat pertimbangan awam menimbulkan masalah dan kerajaan sendiri menyatakan kepada rakyat ini masalahnya, tetapi tindakan yang kerajaan diberi kuasa itu tidak boleh hendak selesaikan masalah, ini saya rasa sudah tidak menyakinkan rakyat.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail tidak emosi dalam perkara ini. Saya ingin mengatakan bahawa yang paling penting sekali di dalam kenaikan kadar-kadar, apapun kadar sama ada elektrik, tol dan sebagainya, ia tidak membebankan kos hidup rakyat iaitu yang ada kena-mengena dengan indeks inflasi negara.

Setakat ini selagi kerajaan dapat mengekalkan indeks inflasi di kadar yang rendah, maka bermakna tekanan atau bebanan kepada rakyat tidak begitu meningkat. Cuma izinkan saya memberitahu Yang Berhormat bahawa di antara lain yang telah dibuat oleh kerajaan ialah mengurangkan kadar cukai pendapatan. Kalau dahulunya maksimum cukai pendapatan bagi pendapatan yang paling tinggi 55%, tetapi sekarang cukai pendapatan telah dikurangkan kepada 30%. Bagi rakyat yang berpendapatan kurang daripada RM1,200 hingga ke bawah dikecualikan semua sekali daripada pembayaran cukai, bermaknanya ini adalah pemberian daripada kerajaan kepada masyarakat. Tetapi bagi mereka yang menggunakan khidmat secara direct, direct taxes yang dibayar oleh masyarakat ialah seperti tol, kalau dia ada kereta dia kena bayar tol, kalau tidak ada kereta dia tidak bayar tol dan kalau dia tidak menggunakan jalan tol, dia tidak payah bayar. Jadi, ada unsur direct taxation dengan indirect.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sekali lagi. Walaupun rakyat tidak gunakan kenderaan tetapi bila rakyat naik kenderaan awam, kenderaan awam itu naikkan caj, maknanya secara langsung ataupun tidak langsung rakyat perlu menanggung beban. Pengguna yang pasti menanggung secara langsung ataupun tidak langsung. Ini rakyat semakin faham sekarang ini.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya harap hujah ini tidak dibangkitkan dalam kempen di Kuala Selangor. *[Ketawa]* Nampaknya Yang Berhormat begitu ingin mempertahankan cadangannya. Maka di sini saya sanggup mengatakan bahawa kita akan timbang tentang cadangannya, kalau tidak, tidak habis ini. *[Ketawa]* Sebagai contoh, walaupun kerajaan telah bersetuju dengan struktur tol dan kadar kenaikan tol, seperti yang dicadangkan di dalam perjanjian konsesi Projek Lebuhraya Utara-Selatan, tetapi kadar kenaikan tersebut bukan

secara automatik, kenaikan ini adalah tertakluk kepada kelulusan kerajaan terlebih dahulu. Dalam hubungan ini, PLUS perlulah memberi justifikasi di atas kadar kenaikan yang diminta.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail juga telah menyentuh mengenai pembangunan yang tidak seimbang di antara negeri-negeri di Malaysia. Kerajaan Persekutuan - kering rengkunglah, Yang Berhormat - sedia maklum mengenai perbezaan yang terdapat di dalam tahap pembangunan ekonomi di antara negeri, terutamanya di negeri-negeri kurang maju. Sehubungan itu, di dalam merangka perancangan pembangunan ekonomi negara, kerajaan sentiasa menitik berat dan memberi tumpuan kepada negeri-negeri ini melalui pelaksanaan pelbagai strategi dan program semata-mata untuk memastikan bahawa perbezaan tahap pembangunan itu dapat dikurangkan. Bagaimanapun, kita mesti sedar bahawa keadaan ketidakseimbangan begini memang tidak dapat dielakkan di mana tahap keseimbangan yang sempurna adalah satu keadaan yang mustahil dicapai. Ini kerana pencapaian di kalangan negeri adalah berbeza ekoran daripada asas dan struktur ekonomi yang berlainan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan tetap berusaha untuk mengurangkan perbezaan ini ke satu tahap yang lebih wajar melalui pemesatan pembangunan ekonomi di negeri-negeri kurang maju. Kerajaan Persekutuan telah pun membantu negeri-negeri kurang maju ini supaya pembangunan ekonomi di antara negeri menjadi lebih seimbang sepertimana yang sudah dinyatakan di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh. Oleh sebab itu, di dalam RMK-7 malah dalam rancangan-rancangan pembangunan lima tahun sebelumnya juga Kerajaan Persekutuan telah merangka dan memperkenalkan strategi dan program khusus untuk menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan antara negeri. Misalnya yang berkaitan dengan pembangunan wilayah, pembangunan bandar, pembangunan desa, pembangunan perindustrian dan juga melalui lain-lain program tidak langsung seperti melalui kerjasama pertumbuhan segi tiga, pembasmian kemiskinan dan sebagainya. Kesemua program ini semata-mata untuk

memastikan negeri-negeri kurang maju dapat mencapai tahap kemakmuran dan kemajuan yang lebih tinggi.

Di samping penyediaan infrastruktur serta usaha pembangunan perindustrian dan perkhidmatan yang akan dilaksanakan, kerajaan juga memberi penekanan kepada usaha meningkatkan kemudahan asas kepada penduduk seperti penyediaan bekalan air dan elektrik serta kemudahan-kemudahan sosial yang lain seperti kesihatan, pendidikan dan sebagainya.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan nampaknya.

Dato' Azmi bin Khalid: Oh, okay.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta laluan, tadi Yang Berhormat ada menyebut mengenai pembangunan ekonomi negeri-negeri. Saya kira dalam kita memperkatakan pembangunan ekonomi ini termasuk juga pembangunan ekonomi bumiputera yang ada dibangkitkan dalam soal jawab tadi. Kita dapati bahawa penguasaan bumiputera di dalam perniagaan bumiputera pertengahan begitu kecil sekali, cuma tidak sampai pun 30%, iaitu 6% pegangan equiti. Jadi, apa pandangan pihak kerajaan kepada usaha-usaha untuk membangunkan ekonomi negeri-negeri dan juga membangunkan ekonomi bumiputera di peringkat pertengahan ini yang mana kita dapati di bidang pembinaan bangunan-bangunan di bandar, misalnya kerajaan-kerajaan negeri menggunakan tanah-tanah bandar untuk mengadakan dewan-dewan ataupun bangunan-bangunan untuk meletakkan agensi-agensi kerajaan ataupun jabatan-jabatan kerajaan.

Kenapakah tidak tanah-tanah yang dari segi komersialnya dan berharga dapat digunakan untuk menyediakan bangunan-bangunan untuk perniagaan misalnya boleh dibina bangunan-bangunan perniagaan dan menempatkan bumiputera di dalam bangunan-bangunan yang disediakan itu supaya bumiputera dapat kita tempatkan lebih ramai bumiputera di dalam bangunan-bangunan perniagaan di bandar-bandar dan mungkin bangunan-bangunan kerajaan ini boleh dibina di luar daripada kawasan-kawasan perbandaran?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat gambaran daripada soalan ini ada dua benda. Pertama, pencapaian bumiputera selepas Dasar Ekonomi Baru yang tamat pada 1990. Matlamatnya ialah untuk mencapai kadar 30% penguasaan bumiputera dalam ekonomi negara tetapi selepas tamat tempoh, bumiputera mencapai dalam tahap 20%.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mastika tadi menyebut tentang 6%. Saya andaikan 6% ialah peratusan miliki bumiputera bagi bangunan-bangunan perniagaan di seluruh Klang Valley ataupun Lembah Klang. Jadi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi saya amat bersetuju bahawa ada kerajaan-kerajaan negeri yang suka dan ghairah menggunakan tapak-tapak tanah dalam bandar yang strategik untuk perniagaan, bahkan bukan sahaja perniagaan, pelbagai macam pertumbuhan perniagaan dapat diwujudkan dalam bandar demi untuk bumiputera tetapi digunakan tapak-tapak ini untuk bangunan kerajaan. Itu yang dimaksudkan dan bangunan-bangunan seperti dewan dan sebagainya.

Antara lain, saya berani mengatakan di sini, minta maaf kalau ada rakan-rakan saya di dalam kerajaan tetapi saya belum ada dalam kerajaan lagi masa itu, Bangunan Ibu Pejabat MARA di Kuala Lumpur sendiri sebenarnya lebih wajar digunakan untuk bangunan perniagaan ditempatkan bumiputera dalam bandar, tetapi saya tidak tahu bagaimana justifikasi untuk diletakkan bangunan berkenaan sebagai ibu pejabat dalam bandar. Jadi, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi akan diambil maklum dan ini akan dikemukakan sebagai satu saranan dasar.

Di samping itu, program mempelbagaikan asas ekonomi di negeri-negeri kurang maju juga terus diperluaskan menerusi peningkatan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah ataupun value added serta memperkukuhkan rangkaian dan aktiviti hiliran di sektor pertanian dan industri negeri-negeri tersebut. Panjang lagi ini.

Seterusnya, selain daripada pembangunan wilayah, program-program pembangunan bandar dan pembangunan desa dalam tempoh RMK-7 juga dijangka dapat meninggikan lagi taraf hidup penduduk terutamanya di negeri kurang maju berkenaan. Program pembasmian

kemiskinan sedia ada seperti Program Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) dan program yang terbaru iaitu Bakti Desa juga akan memberi manfaat kepada penduduk miskin di negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memajukan lagi perindustrian dan pelaburan di negeri-negeri yang kurang maju, kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan pengagihan industri yang lebih seimbang dan menarik, lebih banyak pelaburan terutamanya ke negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Antaranya, insentif-insentif yang diberi ialah:

- memberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 85% daripada pendapatan berkanun kepada syarikat yang layak mendapat taraf perintis untuk tempoh lima tahun jika menempatkan kilang mereka di negeri-negeri berkenaan berbanding dengan pengecualian hanya 70% sahaja jika ditempatkan kilang di kawasan lain;
- menaikkan elaun cukai pelaburan daripada 60% kepada 80% untuk projek yang ditempatkan di kawasan yang diwartakan; dan
- memberi elaun infrastruktur sebanyak 100% untuk perbelanjaan yang dikeluarkan oleh syarikat bagi pembangunan infrastruktur seperti menyediakan jeti, jambatan, jalan sambungan, kabel elektrik, penyediaan air paip dan peralatan guna semula air sisa.

Adalah diharapkan dengan adanya insentif-insentif ini iklim pelaburan dan perindustrian di negeri kurang maju dapat dipertingkatkan dan seterusnya membantu perkembangan lebih pesat sektor perindustrian di negeri-negeri tersebut. Di samping itu, kerajaan juga mengambil daya usaha lain bagi menjamin kejayaan strategi dan program di atas, di antaranya ialah meningkatkan lagi peruntukan pembangunan kepada negeri-negeri kurang maju supaya lebih banyak program dan projek dapat dilaksanakan. Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM20.8 bilion atau 30.8% daripada Belanjawan pembangunan kepada negeri-negeri berkenaan dalam tempoh RMT

berbanding dengan RM15.9 bilion atau 27.7% bagi tempoh sebelumnya. Kesemuanya ini secara langsung dan tidak langsung akan dapat membantu meningkatkan pertumbuhan pendapatan dan taraf hidup penduduk serta memenuhi matlamat pengagihan pembangunan di antara wilayah dengan lebih seimbang.

Yang Berhormat Senator Puan Kamalia Ibrahim menggesa kerajaan supaya memperluaskan kemudahan infrastruktur sosial di seluruh negara, pengwujudan unit khusus yang berfungsi merancang aspek-aspek sosial dan pembangunan manusia serta penubuhan institusi pengajian integrasi. Beliau juga mencadangkan supaya perancangan sosial hendaklah berasaskan kajian saintifik. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam setiap rancangan pembangunan lima tahun, kerajaan telah memastikan bahawa kemudahan infrastruktur sosial seperti sekolah, institusi pendidikan dan latihan, kemudahan kesihatan, perumahan serta pusat-pusat rekreasi dan kemudahan-kemudahan untuk kegiatan sukan dan riadah serta kegiatan kemasyarakatan dirancang untuk dilaksanakan. Rancangan pembangunan lima tahun juga menitikberatkan perkembangan dan pembangunan ekonomi serentak dengan membangunkan kemudahan infrastruktur sosial yang seimbang supaya pembangunan tenaga manusia yang berpengetahuan, berkemahiran, berakhlak mulia, sihat dan cergas dapat dimajukan.

Mengenai kaedah perancangan sosial berasaskan kajian saintifik pula, saya suka maklumkan bahawa semua kaedah perancangan sosial adalah berasaskan kajian saintifik dan ukuran pencapaian dibuat mengikut petunjuk-petunjuk sosial dan ekonomi yang diiktiraf seperti taraf pendidikan, kadar kenal huruf, kesihatan, kemiskinan serta kadar KNK per kapita, kadar pertumbuhan tahunan penduduk, nisbah tanggungan jangka hayat serta ukuran kemudahan sosial dan lain-lain. Dalam hubungan ini, ukuran petunjuk diambil kira untuk merancang dan membuat perbandingan pencapaian perkembangan sosial ekonomi mengikut sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam pula telah menyarankan pembinaan projek-projek pembangunan supaya janganlah boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat seperti kesesakan, banjir kilat dan pencemaran alam sekitar. Untuk makluman

Yang Berhormat, pembinaan projek-projek pembangunan pada umumnya adalah bertujuan untuk membangunkan negara di samping membawa kesejahteraan kepada rakyat. Untuk mengelak berlakunya bencana alam akibat dari pelaksanaan projek-projek pembangunan, kerajaan telah mewajibkan Environmental Impact Assessment dilaksanakan. Bagaimanapun, oleh kerana proses pembangunan yang pesat sekarang ini, kadangkala dalam jangka masa pendek boleh menimbulkan beberapa masalah kepada masyarakat, seperti kesesakan lalu lintas di bandar besar, banjir kilat, masalah sosial dan lain-lain lagi, kerajaan memang menyedari akan masalah ini dan sentiasa mencari jalan untuk mengatasinya.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Tuan Yim Chee Chong, Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Teguran mengenai kesesakan lalu lintas yang serius di Bandaraya Kuala Lumpur oleh Yang Berhormat Senator Tuan Yim Chee Chong, suka saya maklumkan bahawa kerajaan sedang mengambil beberapa usaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada minta laluan nampaknya.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kerana saya terlambat, saya ingin minta laluan untuk bertanya ataupun mendapat penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri mengenai perhatian kerajaan kepada masalah sosial. Yang Berhormat menyebutkan tadi bahawa masalah sosial memang diberi perhatian. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, adakah kementerian berpuas hati dengan institusi-institusi sosial yang ada di negara kita ini setanding dengan keadaan masyarakat pada masa ini dan juga pembangunan pada masa ini? Adakah kementerian merasakan kita telah pun mempunyai cukup pusat terapi, pusat kaunseling, pusat-pusat untuk aktiviti masyarakat dan juga adakah kita berpuas hati ke arah usaha-usaha kita untuk memperkukuh dan juga untuk mengeratkan lagi institusi kekeluargaan untuk mengatasi masalah

sosial, dan banyak lagi saya kira perkara-perkara lain yang saya tidak sebutkan. Adakah pihak kementerian telah berpuas hati dengan apa yang kita ada pada masa ini? Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi jawapan sama yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari pertama dahulu, iaitu kerajaan tidak pernah berpuas hati. Kalau kerajaan berpuas hati kita tidak perlu kerajaan.

Mengenai soal gejala sosial dan sebagainya, diharap Yang Berhormat sabar sedikit, saya akan sampai di situ sekejap lagi. Sebagai usaha penyelesaian jangka masa panjang, kerajaan sedang melaksanakan satu sistem pengangkutan awam bersepadu berdasarkan sistem rel dan juga sistem rangkaian jalan raya, penyuraian trafik di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Selain itu, perancangan juga sedang dibuat untuk menyediakan kemudahan-kemudahan terminal bas di pinggir Bandaraya Kuala Lumpur untuk disentralisasikan operasi perkhidmatan bas ekspres di Pusat Bandaraya. Langkah untuk menyuraikan lalu lintas daripada Pusat Bandaraya Kuala Lumpur juga sedang dilaksanakan melalui program penswastan beberapa jalan utama seperti Jalan Lingkaran Tengah 2, Damansara-Puchong Expressway, Pantai Expressway dan sebagainya.

Bagaimana pun, keberkesanan usaha-usaha kerajaan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas adalah bergantung juga kepada sikap pengguna jalan raya. Sekiranya pengguna-pengguna jalan raya tidak mengubah sikap dari segi cara memandu dan tidak berdisiplin, maka usaha-usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur tidak akan berkesan.

Mengenai cadangan supaya diwujudkan undang-undang ataupun peraturan menghalang berlakunya kekotoran fizikal dan....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada minta laluan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya ingin mendapat pandangan daripada pihak kerajaan, kita dimaklumkan dan tindakan-tindakan telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri menjadi polis pacak di Bandaraya

Kuala Lumpur, dan ke arah menyelesaikan masalah lalu lintas. Kita juga difahamkan satu pengangkutan baru telah wujud, iaitu Intrakota. Tetapi pada masa sekarang kita masih nampak lagi terdapat mini-mini bas yang masih bermaharajalela di dalam Bandaraya Kuala Lumpur sendiri. Bilakah jangka masa penghapusan akan dibuat oleh kerajaan terhadap pengedaran bas-bas mini yang masih ada di Bandaraya Kuala Lumpur?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dari segi tempoh masa yang diberikan, saya tidak ada jawapan sekarang, saya akan memberi kemudian. Tetapi dari segi kesesakan lalu lintas yang ada pada hari ini, adalah antara lain usaha untuk mempercepatkan pembangunan infrastruktur bagi penyediaan Sukan Komanwel sedang berjalan dengan begitu rancak, maka banyak tempat yang perlu disekat dan sebagainya, maka didapati pada hari ini kesesakan lalu lintas adalah lebih meningkat daripada dahulu. Tetapi bagaimanapun dari apa yang telah diusahakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri nampaknya berkesan juga dalam mengurangkan masalah ini. Walaupun kenderaan-kenderaan awam seperti mass transit dan sebagainya diwujudkan, tetapi rangkaian pada keseluruhannya belum beres lagi. Selagi rangkaian pada keseluruhan belum beres, maka apa yang diusahakan setakat ini tidak akan diperlihatkan keberkesanannya sehingga telah selesai.

Mengenai cadangan supaya diwujudkan undang-undang ataupun peraturan menghalang berlakunya kekotoran fizikal dan pemandangan di rumah-rumah pangsa dalam bandar oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali, suka saya makluman di Dewan yang mulia ini bahawa undang-undang yang digunakan oleh DBKL pada masa ini Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 sememangnya mengandungi peruntukan-peruntukan untuk mengawal dan menghalang bangunan dan tempat awam dikotori dan tidak bersih. Di samping itu, DBKL juga sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan undang-undang kecil perumahan berkaitan dengan pengawalan dan penyelenggaraan ke atas rumah-rumah pangsa, yang mana antara lainnya undang-undang tersebut akan menyentuh mengenai tanggungjawab penghuni untuk menjaga kebersihan rumah pangsa yang didiami.

Tuan Yang di-Pertua, saudara saya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail pula mencadangkan supaya pusat-pusat hiburan di bandaraya ditempatkan di satu kawasan khas bagi memudahkan penguatkuasaan. Beliau juga ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil ke atas operator pusat-pusat hiburan yang melakukan kesalahan berulang kali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar pusat-pusat hiburan yang sedia ada telah wujud dan dilesenkan beberapa tahun yang lalu, iaitu pada tahun 1980 dan pada awal tahun 1990-an. Pada masa ini belum ada dasar yang menetapkan supaya pusat-pusat hiburan ditempatkan di suatu tempat khas atau dihadkan bilangannya di satu kawasan atau jalan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa garis panduan yang digunakan untuk pengeluaran lesen baru pusat hiburan. Jadi, ada beberapa kaedah dan saya tidak perlu membaca oleh kerana panjang juga. Kalau perlu, saya akan beri jawapan bertulis, saya minta izin dari Yang Berhormat.

Pengusaha-pengusaha pusat hiburan yang melanggar syarat-syarat pelesenan sebanyak tiga kali dalam sesuatu tahun akan dibatalkan lesen perniagaannya. Bagaimanapun tindakan pembatalan lesen boleh diambil bagi kesalahan kali pertama sekiranya kesalahan yang dilakukan adalah serius.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha binti Hussin telah mencadangkan supaya diperbanyakkan kursus-kursus membina keluarga dengan memberi penekanan kepada kaum bapa bagi membendung gejala sosial. Ini juga saya menjawab soalan Yang Berhormat Puan Mastika. Suka saya memaklumkan bahawa Program Jaya Waris ataupun Program Pendidikan Pembangunan Keluarga yang dilaksanakan oleh Biro Tata Negara mulai April 1996 adalah bertujuan untuk mewujudkan satu gerakan nasional di dalam masyarakat secara penuh dan sedar dalam proses membangun dan menetapkan keupayaan institusi keluarga sehingga mampu membina dan melahirkan generasi berkualiti serta berjaya melahirkan sebuah masyarakat yang dapat menghayati dan merealisasikan wawasan negara. Pelaksanaan Program Jaya Waris mengandungi dua aktiviti utama, iaitu pendidikan keibubapaan serta bakal-bakal ibu bapa dan kursus tenaga penggerak Program Jaya Waris. Oleh itu, Program Jaya Waris yang dilaksanakan

oleh Biro Tata Negara menekankan kepada tanggungjawab seluruh anggota masyarakat di dalam menangani gejala sosial di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali agar sistem kenaikan pangkat di sektor awam dan anggota pentadbiran kerajaan mengambil kira kriteria bersih dan amanah serta kedudukan pegawai-pegawai kerajaan dan anggota pentadbiran awam tidak lama di satu-satu jawatan bagi mengelakkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Ini dimaksudkan pegawai kerajaan tidak patut diletakkan di satu tempat begitu lama. Suka saya memaklumkan bahawa dalam urusan kenaikan pangkat, pegawai-pegawai perkhidmatan awam sekarang, salah satu kriteria yang telah ditetapkan ialah pegawai-pegawai yang diperakukan untuk dinaikkan pangkat hendaklah terdiri daripada mereka yang tiada catatan dengan BRP dan bebas dari tindakan tatatertib, tiada catatan, tidak ada rekod.

Ini bermakna cadangan Yang Berhormat tersebut telah pun diamalkan dalam urusan kenaikan pangkat kerajaan. Sekiranya terdapat mana-mana pegawai kerajaan yang melakukan rasuah atau menyalahgunakan kuasa, Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang setimpal.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba supaya kerajaan memberi penekanan pendidikan agama kepada semua golongan bagi membendung gejala sosial, izinkan saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa gejala keruntuhan akhlak bukanlah disebabkan oleh satu pihak tertentu sahaja sebagaimana yang dianggap oleh orang ramai. Sebenarnya gejala ini berlaku di semua peringkat baik golongan remaja mahupun golongan dewasa termasuk pemimpin-pemimpin. Oleh itu, penekanan khusus yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) bagi mengatasi masalah ini adalah menyeluruh dan tidak disasarkan kepada sesuatu kumpulan tertentu sahaja. Pada masa ini kerajaan telah mengambil dua pendekatan dalam menangani masalah ini, iaitu menerusi pendidikan Islam dan kegiatan dakwah Islamiah.

JAKIM terlibat secara langsung dalam menganjurkan program kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) manakala Jabatan Agama Islam negeri-negeri pula menganjurkan sekolah-sekolah agama rendah dan menengah. Menerusi program dakwah Isiamiah pula JAKIM terlibat bersama dalam mengisi program keIslaman yang dianjurkan oleh Biro Tata Negara dan Kementerian Belia dan Sukan. Di samping itu, kelas pengajian agama yang meliputi bidang akidah, syariah dan akhlak diadakan di masjid-masjid dan surau-sarau di seluruh negara menerusi program takmir masjid dan surau. Memandangkan serta menyedari Program Pembangunan Keluarga Bahagia merupakan program yang berterusan, maka aspek kekeluargaan yang pada mulanya diajar dan disentuh dalam kelas-kelas pengajian program takmir masjid dan surau, maka JAKIM telah menjadikannya satu program khas dan dikenali sebagai Program Kursus Keluarga Bahagia.

Bagi maksud jangka panjang, JAKIM telah membentuk satu modul khas bagi kursus praperkahwinan untuk bakal-bakal pengantin. Modul ini telah pun dijalankan pada 1hb. Januari, 1997.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya itulah sahaja perkara-perkara yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dengan panjang lebar. Saya memohon maaf sekiranya saya tidak berkesempatan menjawab atau menyentuh kesemua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun demikian, perkara ini telah dicatat dan akan diambil perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri. Akir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan teguran, komen, pandangan serta syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul atas nama Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.”

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996 DAN 1997) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan pada kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM15,740,668,192 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan 1997 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1996 adalah berjumlah RM15,519,995,892. Daripada jumlah ini, sebanyak RM15,377,923,192 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini manakala bakinya sebanyak RM142,072,700.00 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Tambahan sebanyak RM13.944 bilion di bawah Maksud B.30 - Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk memenuhi keperluan berikut:
 - (i) sebanyak RM13,934 bilion bagi dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan daripada Akaun Hasil Disatukan; dan
 - (ii) sebanyak RM10 juta sebagai pemberian kepada Tabung Perfileman Drama dan Penyiaran.
- (2) Tambahan sebanyak RM860.2 juta di bawah Maksud B.26 - Kementerian Pendidikan untuk membiayai perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak RM660.2 juta untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996; dan
 - (ii) sebanyak RM200 juta untuk perbelanjaan mengurus Institut Pendidikan Tinggi (IPT) termasuk pelarasan gaji, elaun rumah pensyarah, kerja penyelenggaraan dan pembinaan, kemudahan pengajaran dan pembelajaran.
- (3) Tambahan sebanyak RM119.9 juta di bawah Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan untuk membiayai perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak RM114.9 juta untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996; dan
 - (ii) sebanyak RM5 sebagai pemberian kerajaan kepada Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia.

- (4) Tambahan sebanyak RM291.8 juta di bawah Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996 serta perbelanjaan Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia.
- (5) Tambahan sebanyak RM37.2 juta di bawah Maksud B.19 - Kementerian Pertanian untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996 termasuk badan-badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian.
- (6) Tambahan sebanyak RM28.2 juta di bawah Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak RM9.2 juta untuk perbelanjaan lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke luar negara dan lawatan ketua negara serta ketua kerajaan dari negara-negara sahabat ke Malaysia; dan
 - (ii) sebanyak RM19 juta untuk bayaran elaun guru dan Penyelia Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain.
- (7) Tambahan sebanyak RM18.7 juta di bawah Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996 termasuk badan-badan berkanun di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- (8) Tambahan sebanyak RM16.1 juta di bawah Maksud B.45 - Kementerian Sumber Manusia untuk membiayai perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak RM10.9 juta untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996; dan
 - (ii) sebanyak RM5.2 juta untuk menampung kenaikan kos pengurusan serta bayaran gaji dan elaun pengajar kontrak di Institut Latihan Perindustrian.

- (9) Tambahan sebanyak RM11.6 di bawah Maksud B.18 - Kementerian Perusahaan Utama untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996 termasuk badan-badan berkanun di bawah Kementerian Perusahaan Utama.
- (10) Tambahan sebanyak RM10.5 juta di bawah Maksud B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996.
- (11) Tambahan sebanyak RM10.5 juta di bawah Maksud B.22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai penajaan Pasukan Lumba Kereta Formula I.
- (12) Tambahan sebanyak RM7 juta di bawah Maksud B.44 - Kementerian Penerangan untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996.
- (13) Tambahan sebanyak RM4.4 juta di bawah Maksud B.35 - Kementerian Dalam Negeri untuk membiayai peningkatan aktiviti-aktiviti Polis DiRaja Malaysia.
- (14) Tambahan sebanyak RM4.2 juta di bawah Maksud B.3 -Jabatan Audit untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996.
- (15) Tambahan sebanyak RM3.5 juta di bawah Maksud B.37 - Jabatan Imigresen untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996.
- (16) Tambahan yang lain sebanyak RM10,425,441 adalah dikehendaki untuk membiayai pelbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.5 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, B.11 - Badan Pencegah Rasuah, B.13 - Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, B.15 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, B.23 - Jabatan Arkib Negara, B.24 Jabatan Muzium dan Antikuiti, B.27 - Jabatan Perpustakaan Negara, B.33 - Jabatan Penilaian

dan Perkhidmatan Harta, B.41 - Jabatan Pertahanan Awam, B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, B.43 - Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan B.49 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1996 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1997 adalah berjumlah RM362,745,000 iaitu untuk perbelanjaan Bekalan. Jumlah tersebut yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah dikehendaki di bawah Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan untuk membiayai penswastaaan perkhidmatan sokongan hospital-hospital kerajaan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1997 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun-tahun 1996/1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

6.26 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh pihak kerajaan iaitu Rang Undang-undang yang menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan yang berjumlah lebih kurang RM15.37 bilion.

Kita amat menyedari bagi kita hendak menentukan kerajaan yang mantap untuk menghadapi sasaran Wawasan 2020 serta berkecimpung di dalam bidang multimedia, kita memerlukan peruntukan yang besar terutama sekali dari segi imbuhan kepada kakitangan kerajaan.

Kita dapati di dalam rang undang-undang yang dibentangkan tadi, sejumlah besar ialah bagi kita memberi peluang kakitangan kerajaan mendapat faedah daripada pembangunan ekonomi yang begitu pesat untuk menikmati imbuhan yang lebih bagi mereka terus meningkatkan produktiviti sejajar dengan keperluan kerajaan bagi menepati sasaran dan tujuan yang diasaskan.

Saya amat tertarik sekali dari segi hubungan yang hendak dipereratkan antara Kerajaan Malaysia dan rakyat Malaysia dengan kerajaan-kerajaan asing terutama sekali di Jabatan Perdana Menteri B.7 kita dapati kerajaan memperuntukkan RM9.2 juta bagi lawatan ketua negara kita termasuk Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga ketua-ketua negara yang lain bagi meninjau keadaan di negara luar dan kita juga memperuntukkan di dalam RM9.2 juta itu keperluan menerima ketua-ketua negara asing untuk melawat negara kita.

Hubungan yang rapat seperti ini tidak lain tidak bukan, ianya dapat memantapkan lagi imej negara kita di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri sebagai seorang tokoh negarawan yang terkemuka di dunia ini. Kita terbaca baru-baru ini dalam *Asiaweek* di mana kita dapati Perdana Menteri kita sebagai tokoh yang paling disegani, dia ditempatkan di

nombor dua, saya lihat dalam senarai 50 ketua-ketua negara di Asia, Perdana Menteri kita, selain daripada saya rasa nombor satu Presiden di China dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir nombor dua dari segi pengaruh dan kekuatan kemantapan pemikiran sebagai seorang negarawan, seorang statesman.

Ini hanyalah boleh dibuat kalau sekiranya ketua negara kita, Perdana Menteri kita dapat diberi peluang untuk menjelajahi ke seluruh pelosok negara terutama sekali negara-negara membangun, negara-negara Selatan yang memerlukan kepimpinan yang kuat bagi berdepan dengan masalah yang telah menghimpit mereka daripada meningkat, terutama sekali negara-negara Barat yang memikirkan negara-negara Selatan perlu berbuat sesuatu, perlu menerima nilai-nilai demokrasi mereka, perlu menerima nilai hak asasi manusia sebelum negara-negara membangun ini dapat diterima untuk menjadi ahli perdagangan dunia atau WTO dan juga kumpulan-kumpulan lain.

Asean misalnya, kita hendak masukkan menerima negara Myanmar sebagai ahli Asean, kita berdepan dengan masalah dan teguran daripada Amerika misalnya, yang mengatakan kemungkinan Myanmar tidak dapat diterima oleh pertubuhan serantau atau pertubuhan dunia kerana nilai-nilai yang dipraktikkan dari segi pengurusan kerajaan di Myanmar itu tidak sesuai dengan demokrasi ala Amerika.

Semuanya ini adalah satu tekanan dari segi psikologi dan sebagainya untuk mengetepikan negara-negara membangun dan di sinilah peranan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita untuk menengahkan masalah negara-negara membangun ke peringkat arena antarabangsa bagi menentukan maruah dan martabat negara-negara ini dapat kita bela bersama dan menobatkan mereka sebagai negara yang mempunyai entiti tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kita juga berasa bangga kerana pihak kerajaan amat menitikberatkan dari segi pendidikan. Saya amat terharu di mana B.26 Kementerian Pendidikan akan menerima RM860 juta dalam rang undang-undang ini kerana kita merasakan pendidikan merupakan satu pelaburan yang amat berguna dari segi jangka panjang untuk melahirkan anak-anak generasi akan datang yang berilmu, terutama sekali dalam saingan yang hebat di peringkat

antarabangsa terutama sekali dari segi globalisasi pendedahan negara kita kepada negara-negara luar dari segi perdagangan dan ilmu pengetahuan ini telah dapat kita canangkan menerusi Kementerian Pendidikan dengan wujudnya institut-institut pengajian tinggi di peringkat antarabangsa baik swasta mahupun awam, ianya merupakan satu pendekatan yang berani, satu anjakan paradigma yang boleh menentukan masa depan anak-anak muda kita dapat terus meningkat dari segi teknologi yang tinggi, yang canggih bersaing dengan negara-negara yang maju.

Jadi, kita mengharapkan Kementerian Pendidikan dengan peruntukan yang sebanyak ini dapat terus meningkatkan tahap pencapaian anak-anak kita di dalam bidang-bidang pendidikan terutama sekali yang bersaing dengan kecanggihan teknologi yang didapati di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, barangkali Yang Berhormat memerlukan masa yang panjang lagi?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, panjang lagi ini!

Tuan Yang di-Pertua: Masa pun sudah pukul 6.30 petang, elok disambung besok ya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan hingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.